



BELUM DISAHKAN

PERPUSTAKAAN
PARLIMEN
NO.

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 10

Hari Jumaat

12hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

Laporan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat
(DN Bil.3 Tahun 1986)

(Ruangan 36)

RANG UNDANG-UNDANG:

Raag Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan)

(Ruangan 37)

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan)

(Ruangan 51)

Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka
(Pindaan)

(Ruangan 72)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 12hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-pertua: Yang Berhormat Puan Mazidah Haji Zakaria.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

RAMALAN PERANGKAAN

1. Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rekod agensi-agensi Kerajaan dalam membuat ramalan mengenai perangkaan-perangkaan KNK (GNB) (Keluaran Negara Kasar) dan KDNK (GDP - Keluaran Dalam Negeri Kasar) dibandingkan dengan prestasi ekonomi yang sebenarnya bagi Malaysia dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk memperbaiki kebolehan membuat ramalan yang lebih tepat bagi agensi-agensi seperti Perbendaharaan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Bank Negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya ramalan-ramalan yang dibuat mengenai perangkaan KNK dan KDNK. KNK bererti Keluaran Negara Kasar dan KDNK bererti Keluaran Dalam Negeri Kasar. Jikalau dibandingkan dengan prestasi sebenarnya adalah baik dan hampir tepat.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 1985 dan 1986 ramalan prestasi ada menunjukkan perbezaan yang besar. Keadaan ini adalah disebabkan andaian-andaian yang dibuat tidak mencapai persamaan yang baik dengan keadaan yang sebenar.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum sebahagian besar pendapatan negara adalah bergantung kepada prestasi, eksport terutamanya eksport barang utama. Dalam kedua-dua tahun ini harga-harga barang utama eksport negara kita ini seperti minyak mentah dan kelapa sawit mengalami kejatuhan teruk harga di pasaran dunia yang luar dari jangkaan.

Institusi-institusi antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia dan lain-lain lagi yang menyediakan matlamat juga tidak dapat membuat jangkaan bahawa harga di pasaran dunia jatuh begitu teruk. Kita di Malaysia yang menggunakan data-data dan maklumat dari institusi antarabangsa ini faham bahawa trend harga adalah menurun tetapi apa yang berlaku ialah satu kejatuhan harga yang luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki kebolehan dan kepakaran membuat ramalan yang tepat. Ini adalah penting kepada Kerajaan kita untuk urusan membuat keputusan yang baik, pegawai diberi latihan umpamanya pegawai-pegawai diberi latihan dan sistem mengumpul data terus dikemaskinikan.

Di samping itu agensi-agensi seperti Perbendaharaan, Unit Perancang Ekonomi dan Bank Negara bersama Jabatan Perangkaan sentiasa berhubung rapat dan bermesyuarat melalui kumpulan perancangan antara agensi bagi membincangkan data yang ada dan mendapat pandangan terhadap analisa-analisa yang dibuat.

Oleh itu, agensi-agenst ini tidaklah membuat pandangan berasingan tanpa perundingan dan kata sepakat antara satu dengan lain. Dari sini dapatlah dikatakan bahawa usaha-usaha telahpun diambil bagi memastikan kerja-kerja ramalan ekonomi dibuat dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, perlulah kita menerima hakikat bahawa kebanyakan faktor yang mempengaruhi keadaan ekonomi adalah di luar kawalan kita. Apa yang penting ialah kita memahami akan trend perkembangan ekonomi dan bukan angka-angka mutlak.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejatuhan harga barang kita, saya hendak tahu adakah kejatuhan ini timbul dari satu perbuatan ataupun aktiviti-aktiviti organisasi luar negeri yang bergerak secara sengaja ataupun secara intentional untuk menyebabkan kejatuhan ataupun menjatuhkan harga-harga barang kita.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga barang eksport utama negara kita ini adalah dipengaruhi oleh kemelesetan ekonomi dunia. Ini adalah satu keadaan yang biasa yang dialami oleh semua negara di dalam dunia ini. Mengenai adakah sesuatu golongan yang besar di dunia yang mungkin mempermudahkan keadaan ini untuk merosakkan atau melemahkan ekonomi negara kita ini, Kerajaan kita, Kementerian Kewangan hanya boleh mengatakan bahawa kemungkinan ada, tetapi kita tidak dapat mengenal pasti siapakah golongan itu dan apa maksud yang sebenar, tetapi macam manapun keadaan ini dapati dikawal.

BUKU 'AURAD MUHAMMADIAH PEGANGAN DARUL ARQAM' - KAJIAN

2. Puan Ainon binti Ariffin minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Bahagian Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri mengenai sebaran dan jualan buku tulisan Tuan Haji Ashaari Muhamad bertajuk:

"Alwerid Mohamed Pegangan Dharul Arqam" yang menyeleweng dan menyalahi ajaran Islam dan boleh memesongkan aqidah umat Islam

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, buku yang dimaksudkan adalah sebenarnya bernama 'Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam', bukan buku 'Alwerid Mohamed Pegangan Darul Arqam?

Walau bagaimanapun, sukacita saya menjelaskan di sini iaitu satu kajian telah dibuat terhadap buku tersebut. Hasil kajian itu telah dibentangkan dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 6hb Oktober, 1986.

Berdasarkan kepada beberapa bahagian kandungan buku itu seperti cerita mengenai perjumpaan dengan Nabi Muhammad di Kaabah, persoalan tidak mati, Khasiat dan Faedah Aurad Muhammadiyah, Sheikh Muhammad as-Suhaimi Khalifah Rasulullah dan Imam Mahdi dan beberapa banyak perkara-perkara lain lagi yang disifatkan oleh Muzakarah Fatwa sebagai mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam dan amat mengelirukan masyarakat Islam, maka Jawatankuasa itu telah membuat beberapa perakuan untuk tindakan Kementerian Dalam Negeri, demi faedah masyarakat Islam seluruhnya.

Tindakan lanjut oleh Bahagian Hal Ehwal Islam ialah menjelaskan beberapa hakikat dan kebenaran kepada orang ramai. Dalam hubungan ini, satu buku yang bertajuk 'Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam', oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, setebal 100 mukasurat sedang diproses untuk diterbitkan dalam bulan ini juga.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk menapis tiap-tiap buku yang dikeluarkan atau dikarang oleh pengarang dalam negeri atau luar negeri sebelum buku-buku tersebut, buku-buku agama itu diedarkan atau dijual kepada orang ramai?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak bersangkut dengan buku Aurad Muhammadiah? tetapi bolehlah saya maklumkan di sini bahawa dengan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri telah ditubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan isu-isu agama dan Jawatankuasa ini mengalami kesukaran untuk menapis semua buku yang dikarang di luar negeri dan dalam negeri. Oleh kerana itu Jawatankuasa ini hanya mengkaji beberapa buku yang telah dimaklumkan atau yang telah diketahui menerusi pembacaan oleh beberapa orang pegawai, dan sekiranya terdapat isu-isu yang sensitif, maka itulah yang akan dikaji.

PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN DI MANILA

3. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai dalam rundingan dan dialog antara negara-negara anggota ASEAN dan rakan-rakan lain dari negara-negara perindustrian dan juga persidangan para Menteri Luar Negara-negara ASEAN baru-baru ini di Manila.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, pada Mesyuarat Ke 19, Menteri-menteri Luar ASEAN di Manila pada 23-24 Jun, 1986, para Menteri telah bertukar-tukar pendapat mengenai hal ehwal kepentingan bersama ASEAN, merangkumi bidang-bidang kerjasama politik, ekonomi, sosial, kebudayaan serta perhubungan di antara ASEAN dengan negara-negara rakan ataupun negara-negara dialog.

Menteri-menteri Luar ASEAN di antara lain telah membincangkan masalah kemelesetan ekonomi dunia dan mengakui bahawa ianya telah menjelaskan perkembangan ekonomi negara-negara anggota ASEAN khususnya perdagangan di antara negara-negara anggota.

Sebagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut, mereka telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan kepada Ketua-ketua Kerajaan masing-masing agar Sidang Kemuncak ASEAN yang Ketiga yang akan diadakan bagi merangka dan menetapkan suatu arah dasar yang baru untuk memulih dan meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara negara-negara anggota.

Menteri-menteri Luar juga telah bersetuju supaya ditubuhkan jentera-jentera persediaan bagi Sidang Kemuncak Ketiga untuk menjamin kelancaran Sidang Kemuncak berkenaan. Berikut dari itu, ASEAN telah bersetuju untuk mengadakan Sidang Kemuncak tersebut dalam bulan Disember, 1987.

Dalam usaha untuk mewujudkan serta mengkalkan kestabilan politik di rantau ini, Menteri-menteri Luar ASEAN telah mengulangi keazaman dan kesungguhan masing-masing untuk mencapai kerjasama yang lebih berkesan bagi menjamin rantau ini sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Mereka telah bersetuju pada prinsipnya supaya rantau Asia Tenggara ini dijadikan zon bebas daripada ancaman senjata nuklear.

Dalam masalah dadah, para Menteri Luar ASEAN mengulangi peringatan mereka untuk terus bekerjasama dan berusaha untuk membasmi penyalahgunaan dan pengedaran dadah dengan seberapa segeranya. Mereka juga telah bersepakat untuk menyokong dan memberikan sumbangan sepenuhnya kepada Persidangan Antarabangsa peringkat Menteri Mengenai Dadah yang akan diadakan di Vienna pada bulan Jun, 1987.

Dalam hubungan ini, negara anggota ASEAN telah memperakui sekali lagi sokongan kepada pencalonan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr, Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa tetsebut.

Tuan Yang di Pertua, di Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN dan Negara-negara Dailog yang diadakan pada 26-28 Jun, 1986 pula, isu-isu mengenai ekonomi, perdagangan serta politik antarabangsa yang mempunyai implikasi kepentingan bersama telah dibincangkan.

Antara lain, perkara-perkara utama yang dibangkitkan adalah mengenai masalah kejatuhan harga komoditi utama, keputusan Kemuncak Tokyo (Tokyo Summit), masalah kadar faedah dan kewangan yang tidak stabil, masalah perlindungan perdagangan, serta Perundingan Baru Mengenai Perdagangan Pelbagai Hala, dengan izin, New Round of Multilateral Trade Negotiations. Para Menteri kedua-dua belah pihak pada amnya telah bersetuju untuk meneruskan usaha bagi mengatasi masalah-masalah tersebut secara bersama melalui forum-forum peringkat antarabangsa.

Pencalonan ASEAN bagi jawatan Presiden Persidangan Antarabangsa Peringkat Menteri mengenai Dadah di Vienna tahun hadapan juga telah diutarakan kepada negara-negara dailog untuk mendapat sokongan. Reaksi negara-negara dailog dalam hal ini sangatlah menggalakkan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandukan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa dalam perbincangan Manila ikut dibincang soal kestabilan politik di rantau ini dan soal kebebasan rantau ini daripada kuasa nuklear.

Apakah di dalam perbincangan itu termasuk perbincangan yang dikemukakan oleh Singapura untuk membawa lawatan Presiden Israel ke Singapura? Kalau tidak, apakah negara-negara rantau ASEAN ini kalau ada dalam pengetahuan mereka bahwasanya Israel adalah sebuah negara kekuasaan tentera yang sudah mula melangkah kekuasaan nuklear, dan kalau tidak lagi, apakah Singapura sebagai anggota ASEAN telah mengambil kesempatan daripada persidangan itu cuba menyembunyikan tangan tetapi batu dilemparkan dengan secara membawa lawatan Presiden Israel?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ini telah diadakan pada bulan Jun, 1986 dan dalam perbincangan itu soal lawatan Presiden Israel ke Singapura tidak dibangkitkan dan malah saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa Kementerian Luar ataupun Kerajaan Malaysia, mahupun Kedutaan Besar kita di Singapura tidak langsung tahu menahu ataupun diberitahu mengenai lawatan itu. Tetapi apa yang sudah berlaku memang sudah menjadi pengajaran kepada kita semua.

Sudah tentulah dalam mesyuarat perjumpaan-perjumpaan Menteri-menteri ASEAN, Menteri-menteri Luar ASEAN khususnya pada masa-masa akan datang, maka perlulah dibincangkan juga apakah tindakan dan sikap yang patut diambil ataupun patut diberi perhatian yang lebih khusus supaya segala perbuatan yang dapat merenggangkan perbubungan antara negara-negara anggota ASEAN tidak berulang lagi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia, Kerajaan kita membuat satu cadangan supaya disegerakan mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN mengenai perkara yang baru timbul itu?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara ASEAN adalah diadakan setahun sekali, sekarang ini kita sedang membuat persediaan yang berbagai aspek iaitu politik, ekonomi, sosial dan sebagainya sebagai persediaan untuk Sidang Kemuncak Yang Ketiga Ketua-ketua Kerajaan ASEAN yang diadakan di Manila pada bulan Disember, 1987. Kita sudah tentu merasakan bahawa perkara-perkara seperti apa yang telah berlaku baru-baru ini sudah pasci akan dibincangkan supaya sebagaimana yang telah saya katakan tadi segala perbuatan yang dapat sedikit sebanyak merenggangkan hubungan di antara negara anggota ASEAN tidak berulang lagi.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa dalam perbincangan itu, kefahaman politik, ekonomi, perdagangan dan pertanian telah tercapai. Dalam pandangan Menteri yang berkenaan, adakah negara-negara ASEAN ini seperti Singapura dan Filipina benar-benar ikhlas dengan kita dalam perbincangan itu?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, kita sekarang ini hanya di peringkat membuat persediaan untuk menghadapi 'summit' conference negara-negara ASEAN pada bulan Disember tahun hadapan. Oleh sebab persidangan kemuncak ini jarang-jarang diadakan, ini hanya kali yang ketiga diadakan, jadi sudah tentulah berbagai-bagai persediaan harus dibuat supaya sesuatu persetujuan yang berkesan, yang dapat memperkuuhkan lagi persatuan ASEAN ini dapat dicapai dalam mesyuarat tersebut. Saya rasa semua negara-negara anggota ASEAN sedar bahawa dari segi jangka panjang adalah bagi kepentingan semua supaya semua negara ikhlas di antara satu dengan yang lain. Ini sudah tentulah kita akan mencari jalan untuk menegaskan di dalam tiap-tiap persidangan ataupun tiap-tiap peluang yang kita dapat.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Cuma sekadar saya hendak menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Luar kita, sebab melalui jawapan di Dewan ini ialah merupakan jawapan rasmi yang menolak pembohongan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Singapura kepada rakyat Singapura, kepada rakyat Malaysia dan kepada rakyat dirantau ini dengan mengatakan bahawa kunjungan Presiden Israel ke Singapura telah diberitahu kepada Malaysia. Maka dengan jawapan sebentar tadi, ternyata bahwasanya pembohongan Singapura itu

telah dijelaskan dengan rasminya oleh pihak Kerajaan kita.

WAKIL POS

4. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membuka lebih banyak lagi Wakil-wakil Pos di Taman-taman Perumahan, Pusat Perniagaan di kampung-kampung dan sebagainya supaya dapat membantu Pejabat pos dalam perkhidmatannya kepada penduduk-penduduk Malaysia yang bertambah setiap tahun.

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan meneruskan usaha menambah bilangan wakil-wakil pos diseluruh negara, khususnya di kawasan luar bandar, bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada masa ini iaitu sehingga akhir bulan November, 1986 terdapat sebanyak 1,586 buah wakil pos di seluruh negara kita dan di bawah Rancangan Malaysia Kelima pula, sejumlah 320 buah wakil pos telah dirancang untuk ditubuhkan di sepanjang tempoh berkenaan.

KELAS TASKI

5. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah Kementerian ini dapat mengesan ke atas kelas-kelas TASKI yang wujud tidak mempunyai kebenaran dari pihak berkuasa.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran TASKI atau Taman Asuhan Kanak-kanak Islam adalah di luar bidang kuasa Akta Pelajaran 1961. Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak mengambil langkah untuk mengesan bilangan TASKI yang wujud sekarang ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya merupakan satu pendidikan di peringkat awal, bagaimanakah perkara ini tidak tertakluk di bawah Akta Pelajaran. Sekarang ini, siapakah

yang mengawal atau yang boleh memberikan kebenaran, menyiasat atau mengawas mengenai kurikulum dan lain-lainnya di TASKI-TASKI berkenaan?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan, penguasa-penguasa ialah negeri masing-masing, yang berkuasa untuk mentadbir dan mengawal hal-hal berkaitan dengan agama Islam dan sebab itu saya menasihatkan supaya perkara ini ditimbulkan di dalam Dewan Undangan Negeri,

HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA - TUNGGAKAN ELAUN

6. Tuan G. Rajoo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar sebahagian kakitangan Hospital Bahagia Ulu Kinta tidak dibayar tunggakan elaun lebihmasa berikutan dengan pekeliling mengubah waktu bertugas mereka beberapa tahun dahulu;
- (b) apakah sebabnya sebahagian kakitangan boleh dibayar elaun lebihmasa, manakala sebahagian lagi tidak dibenarkan menuntut elaun ini;
- (c) dan sama ada Kerajaan sedar tindakan mahkamah telah dimulakan oleh sebahagian kakitangan ini untuk mendapatkan elaun lebihmasa mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya kakitangan Hospital Bahagia Ulu Kinta yang terlibat dalam tuntutan tunggakan elaun lebihmasa yang berkenaan adalah tidak layak dibayar elaun lebihmasa itu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sejak tahun 1974 dahulu.

Mereka tidak layak menuntut bayaran elaun lebih masa kerana mereka Ini adalah kakitangan yang bertugas secara, dengan izin, shift duty, di mana mereka telahpun diberi cuti rihat atau time off sebagai gantian. Kakitangan yang bekerja mengikut giliran ini telah diberi cuti gantian selama 3 hari sekiranya giliran tugas mereka dijalankan pada siang hari. Sekiranya giliran mereka itu pada waktu malam, mereka adalah diberi cuti gantian selama 4 hari.

Kementerian Kesihatan telah difahamkan bahawa ada kakitangan yang terlibat dalam tuntutan ini yang ingin meneruskan tuntutan mereka hingga ke peringkat mahkamah, sungguhpun pihak pengurusan telah menjelaskan bahawa mereka tidak layak untuk dibayar tuntutan-tuntutan itu.

POLARISASI KAUM ANTARA MURID-MURID

7. Tuan Chan Choong Tak minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan-tindakan tegas jika ada yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengelakkan bertambah buruknya polarisasi dan perkauman di dalam negara ini terutama sekali:

- (a) di antara murid-murid dan penuntut-penuntut; dan
- (b) di antara parti-parti politik yang berunsur perkauman.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana terutamanya di dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Di negara ini polarisasi kaum adalah tidak seburuk berbanding dengan negara yang sedang bergolak mengenai hubungan di antara kaum. Rakyat di negara ini adalah hidup di dalam aman, damai dan harmoni.

Untuk menanamkan perasaan hormat menghormati dan berbaik di kalangan murid-murid dan penuntut-penuntut, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran telah memasukkan perkara ini di dalam mata pelajaran seperti kewarganegaraan, pendidikan moral dan Tamadun Islam. Selain daripada itu melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan sukan, kelab dan pertubuhan beruniform,

penuntut daripada semua kaum akan dapat berinteraksi sesama mereka. Di samping itu penubuhan Persatuan-persatuan yang bercorak perkauman adalah tidak dibenarkan ditubuhkan.

Kerajaan sentiasa memperingatkan ahli-ahli politik supaya jangan meneyentuh sensitiviti sesuatu kaum. Walaupun parti-parti politik di negara ini berdasarkan sesuatu kaum, tetapi melalui kerjasama antara parti-parti politik itu di dalam satu golongan parti yang besar dan berwibawaan iaitu Barisan Nasional, telah dapat mengurangkan ketegangan antara kaum melalui konsep musyawarah yang sering diadakan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, beliau telah menyatakan salah satu cara untuk mengurangkan polarisasi di sekolah-sekolah ialah melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum dan kesukanan. Langkah ini saya kira baik, tetapi kesannya hingga masa ini tidak kita nampak, kerana melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum dan kesukanan ini kita dapat merasakan seolah-olah polarisasi itu bertambah diperkuatkan. Di dalam ko-kurikulum umpamanya, sesebuah persatuan di sekolah itu kadang-kala kebanyakannya adalah terdiri dari kanak-kanak daripada satu kaum sahaja. Begitu juga dari segi kesukanan, kita dapat lihat penekanan ataupun minat tertumpu kepada sesuatu kaum untuk sesuatu jenis permainan ataupun sesuatu jenis sukan yang diadakan di sekolah itu. Jadi berkaitan dengan ini apakah langkah-langkah ataupun galakan yang dibuat untuk mengatasi ini supaya ko-kurikulum yang dijalankan dan sukan-sukan yang diadakan di sekolah-sekolah kita benar-benar dapat membanteras penglibatan hanya ahli-ahli daripada satu kaum sahaja?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan termna kasih atas pandangan Yang Berhormat tadi. Sukalah saya memberitahu bahawa melalui ko-kurikulum ini dan sukan-sukan, penerusan yang diadakan pada masa ini adalah supaya semua murid-murid di satu-satu sekolah itu akan diberi galakan untuk mengambil bahagian dalam permainan sepak takraw yang pada masa ini, sebelum ini adalah dimainkan oleh satu kaum sahaja, tetapi dalam pendekatan pada kali ini kita akan menggiatkan supaya semua kaum dalam satu sekolah itu akan mengambil bahagian dalam permainan sepak takraw.

Begitu juga dalam permainan, katakan bola keranjang yang mana kita ketahui bahawa permainan ini adalah cenderung kepada satu kaum sahaja, tetapi dalam pendekatan kita pada masa ini kita mahu supaya semua penuntut-penuntut dalam satu sekolah itu akan diminta untuk mengambil bahagian dalam permainan ini.

Begitu juga dalam kelab-kelab yang beruniform seperti Persatuan Pengakap, kita sekarang ini meminta supaya semua murid-murid sekolah mengambil bahagian supaya melalui persatuan ini mereka dapat berinteraksi di antara satu sama lain dan mudah-mudahan melalui interaksi ini mereka akan dapat memahami antara satu sama lain.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berpandukan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri dalam masalah pemimpin-pemimpin parti politik sering diberi ingatan oleh pihak Kerajaan supaya jangan melahirkan soal-soal yang sentimen kerana keadaan harmoni di negara kita ini adalah begitu baik. Soalnya apakah soal keharmonian ini setelah lebur barulah Kerajaan hendak bertindak. Jangan lupa kata orang tua-tua, belakang parang pun kalau diasah jadi tajam. Sekarang ini ada pemimpin-pemimpin parti politik yang tidak putus-putus melaksanakan menghasut untuk

mewujudkan perasaan sentimen yang membolehkan perpecahan kaum, terutama masyarakat majmuk di negara kita ini.

Soalan saya lagi satu, berapa lama Kerajaan hendak terus dengan secara mengingatkan sahaja tanpa dengan secara mengambil ,sesuatu tindakan yang tegas agar pengkhianat ini tidak dapat terus menjalankan hasutan-hasutan kepada masyarakat ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Vang di-Pertua, kita telah mengetahui bahawa baru-baru ini ada satu pihak yang telah menimbulkan perkara yang sangat sensitif dan perkara itu telahpun diselidiki dan telahpun mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkenaan. Saya juga bersetuju bahawa polarisasi kaum itu adalah merupakan satu isu yang berpanjangan dan untuk mengintegrasikan semua rakyat di Malaysia ini yang mempunyai penduduk-penduduk majmuk adalah menjadi tanggungjawab bukan sahaja oleh agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Perpaduan Negara, tetapi juga adalah dipertanggungjawabkan oleh setiap warganegara Malaysia supaya mereka itu tahu benar-benar bahawa untuk kita tinggal di Malaysia ini kita mestilah menghormati antara satu sama lain.

Selagi rakyat Malaysia ini tidak mengetahui dirinya sendiri ataupun diri orang lain, selagi itulah ketegangan di antara satu sama lain masih lagi timbul. Oleh itu, eloklah saya mengatakan di sini bahawa integrasi nasional ini bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan dan agensi-agensinya, tetapi adalah merupakan tanggungjawab oleh semua rakyat yang tinggal di Malaysia ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan. Tadi kita dengar Kerajaan menasihatkati orang politik, parti-parti politik supaya jangan menimbulkan perkara macam itu, sekarang ditimbulkan juga orang politik, parti politik nasihatkan Kerajaan mahu terima atau tidak, sekali-sekali ambillah tindakan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom. Apa yang penting dalam negeri kita ini yang mempunyai penduduk majmuk adalah toleransi di antara satu sama lain. Untuk mengambil tindakan kepada seseorang itu akan menimbulkan satu masalah yang mempunyai 'long term effect', dengan izin. Oleh itu, apa-apa tindakan yang diambil mestilah kita mengambil kira tentang masa hadapan negara ini dan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, kita mempunyai cara-cara lain supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil yang kita kira boleh efektif untuk mencegahkan sesuatu perkara yang tidak diingini itu timbul di Malaysia,

SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND - KAWALAN

8. **Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa kawasan sempadan Malaysia/Thailand sangat tidak selamat, penjenayah-penjenayah dari negara jiran datang ke kawasan Malaysia (Padang Besar) melakukan pembunuhan berterangan waktu siang hari dan malarikan diri ke negara asalnya menerusi lubang tembok; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang kawalan lebih ketat diadakan di kawasan berkenaan dan menutup lubang tembok sempadan Malaysta/Thailand di Padang Besar.

Timbalan Meateri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:

Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 6 tahun kebelakangan, iaitu sejak tahun 1980 hingga sekarang hanya 3 kes bunuh berlaku di kawasan Padang Besar. Angka tersebut menunjukkan kes bunuh tidaklah kerap berlaku di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengadakan kawalan dan pengawasan di sepanjang kawasan pagar dan tembok keselamatan. Tindakan segera juga diambil untuk memperbaiki pagar yang dirosakkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak salah saya 3 kes yang berlaku itu adalah kes yang menggemparkan, iaitu tembak-curi. Jadi, adakah Kerajaan memikirkan 3 kes besar tembak-curi itu Kerajaan memandangkan perkara itu kecil atau perkara yang memang biasa boleh berlaku di antara sebuah negara dengan sebuah negara lain yang begitu paling dekat sempadannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul masalah kes kecil atau kes besar kerana apa yang telah diperkatakan pembunuhan berlaku. Di Padang Besar, inginlah saya menyatakan kepada Yang Berhormat Senator Haji Shaharon, iaitu kes pertama berlaku pada 18hb Mac, 1980, lelaki Thai tidak dikenali. Kes kedua pada 26.8.1980, mangsa tidak dikenali, suspect juga tidak dikenali. Kes ketiga berlaku pada 29.10.1986, lelaki Thai tetapi suspect yang membuat tidak dikenali, tiada laporan Polis pun yang dibuat.

PULAU LANGKAWI - PROJEK PELANCONGAN

9. **Tuan Bee Yang Sek** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat ini berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk projek pelancongan Pulau Langkawi, termasuk pembinaan lapangan terbang; dan
- (b) menurut maklumat awam yang diperolehi projek pelancongan tersebut telah gagal, apakah rancangan alternatif Kerajaan lain untuk menyelamatkan projek ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak dilaksanakan Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$182.258 juta dalam beberapa projek infrastruktur di Langkawi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$56.55 juta dibelanjakan untuk projek perabesaran lapangan terbang,

\$9.4 juta untuk projek menaik taraf jalan-jalan utama, \$81.5 juta untuk projek bekalan elektrik dan sebanyak \$34.78 juta untuk projek bekalan air. Walau bagaimanapun, projek-projek yang dilaksanakan tersebut bukanlah, semata mata untuk memenuhi keperluan projek pelancongan yang dicadangkan, tetapi merupakan sebahagian daripada perancangan untuk pembangunan Langkawi keseluruhannya yang bakal dinikmati oleh seluruh penduduk Pulau Langkawi.

- (b) Berhubung dengan pelaksanaan projek kompleks pelancongan Tanjong Rhu, seperti diketahui umum, kemajuannya tidaklah begitu memuaskan sepetimana yang diharapkan. Keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang ini telah menggugat kedudukan kewangan pemaju swasta yang diberi tanggungjawab memajukan kompleks tersebut. Walau bagaimanapun, pemaju masih lagi berusaha untuk melaksanakan projek seperti yang dirancang. Rundingan dengan pelabur diteruskan. Hanya masa akan menentukan bila projek ini akan dapat disiapkan. Pihak Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan ini dan langkah selanjutnya akan diambil apabila Kerajaan betul-betul pasti bahawa pemaju berkenaan telah gagal melaksanakan tanggungjawab. Dalam masa yang sama, Kerajaan sedang mengambil tindakan mengkaji keperluan untuk memperbaiki kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan yang sedia ada, di samping mengenalpasti keadaan kawasan baru yang berpotensi. Kerajaan juga telah mengambil tindakan di dalam dan di luar negeri untuk meraperhebatkan promosi pelancongan di Langkawi.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi banyak peruntukan telahpun dibelanjakan bagi membiayai khususnya di Pulau Langkawi. Di sini sebagaimana yang kita maklum Pulau Langkawi telah diletakkan atau di tentukan sebagai sebuah pelabuhan bebas. Sukacita saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tujuan utamanya Kerajaan berbuat demikian?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama kita untuk mengiktirafkan Pulau Langkawi sebagai satu pelabuhan bebas adalah supaya pulau ini akan menjadi sebuah pusat pelancongan yang akan dapat menarik semua pelancong daripada seluruh dunia. Dengan pengiktirafan pelabuhan bebas ini maka banyak keistimewaan yang akan dialami oleh Pulau Langkawi. Jadi, dengan tujuan Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pelancongan ke Pulau Langkawi, maka pelabuhan bebas ini adalah merupakan satu tarikan kepada semua pelancong dan juga ia merupakan satu cara untuk kita mempertingkatkan lagi, dengan izin, economic development di Pulau Langkawi.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat daripada Yang Berhormat Menteri tadi, peruntukan yang diberi bukan setakat untuk menaikkan taraf pelancongan, malahan untuk kepentingan penduduk di Pulau Langkawi itu sendiri. Bolehkah saya dapat makluman, berapa ramai sebenarnya penduduk di Pulau Langkawi ttu?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, penduduk Pulau Langkawi setakat ini adalah dianggarkan, kalau tidak salah saya lebih kurang 30,000 orang.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Boleh saya buat soalan tarabahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya mendengar Warta Berita pukul 2.00, selepas sembahyang Jumaat hari ini, mulailah MAS menggunakan kapalterbang pertama mendarat di Pulau Langkawi.

Soalan saya, apabila Pulau Langkawi dijadikan pelabuhan bebas, sudahkah Kerajaan bersedia untuk raenyekat kerana apabila dijadikan pelabuhan bebas maka barang akan berharga lain daripada harga di Tanah Besar. Sudahkah Kerajaan bersedia untuk menyekat penyeludup-penyaludup yang menyeludupkan barang dari pelabuhan bebas ke Tanah Besar, ke pantai Kedah, ke pantai Perlis dan sebagainya. Apakah persediaan Kerajaan untuk mengatasi masalah itu kelak?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengiktiraf Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas pada 1 haribulan Januari tahun hadapan, iaitu tahun 1987, semua perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi itu akan diambil kira dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Kastam dan juga Jabatan Laut akan diberi tahu tentang perkara ini dan mereka akan menjalankan tugas sebagaimana yang sedang dijalankan pada masa ini.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandukan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan begitu berhasrat untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau pusat pelancongan dan ini ternyata hasrat Kerajaan untuk memperkembangkan, dengan izin, tourism industry di negara kita.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sudah ada di dalam pengetahuan Kerajaan bahawa ada golongan-golongan yang

tertentu sudah mula menghasut rakyat di Pulau Langkawi, terutama dengan pengajaran jangan menjual tanah, jangan menyerah tanah kepada mana-mana pihak sekalipun untuk dibangunkan. Saya bimbang jika keadaan ini terus-menerus berlaku maka hasrat Kerajaan tidak akan mencapai matlamat yang dikehendaki, walaupun Kerajaan telah menunjukkan satu sikap sehingga menjadikan Langkawi sebagai pelabuhan bebas, tetapi apa ertinya jika tanah-tanah untuk dibangunkan, bangunan-bangunan bagi dijadikan tempat pusat dagangan tidak dapat dilaksanakan. Maka oleh itu, jika tidak ada lagi di dalam pengetahuan Kerajaan, saya tolong mengingatkan perkara ini sedang berlaku,

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut anjuran yang telah disampaikan oleh pengajur iaitu penganjur swasta yang sedang membuat, dengan izin, development di Pulau Langkawi, tanah-tanah yang diperlukan untuk pembangunan adalah mencukupi.

Tentang laporan yang mengatakan bahawa banyak atau ada orang yang telah menghasut penduduk-penduduk di Pulau Langkawi supaya jangan menjual tanah kepada Kerajaan ataupun kepada pihak-pihak yang berkenaan yang akan menggunakan tanah itu untuk development, pihak Kerajaan belum lagi mengetahui tentang laporan ini dan kami mengucapkan terima kasih kerana diberitahu pada hari ini dan Kerajaan akan mengambil segala langkah dan juga tindakan-tindakan yang perlu supaya pembangunan (development) pembangunan Pulau Langkawi tidak terjejas dengan adanya hasutan-hasutan yang sedang berlaku di Pulau Langkawi. Kami akan mengambil tindakan supaya pembangunan Pulau Langkawi sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan tidak terjejas sama sekali.

Timbalan Tang di-Pertua: Sila satu pertanyaan tambahan lagi. Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib Lazim, silakan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat swasta yang bernama Promet yang telah berusaha untuk memajukan pembangunan di Pulau Langkawi dan baru-baru ini kita tahu syarikat berkenaan telahpun gagal. Apakah tidak ada sebuah syarikat lain yang mengambilalih bagi menyambung memajukan projek ini?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dengan kesukaran ataupun kesusahan syarikat yang pada masa ini telah diberikan kuasa untuk membangun Pulau Langkawi. Kerajaan sedar bahawa syarikat ini mempunyai dan menghadapi masalah, tetapi Kerajaan tidak berhasrat untuk memberhentikan kerana ini merupakan satu kontrak.

Apa yang perlu dibuat ialah pihak Kerajaan akan sentiasa membuat perhatian yang sedalam-dalamnya mengenai pembangunan Pulau Langkawi oleh syarikat swasta ini. Dan sehingga Kerajaan diberitahu oleh syarikat yang berkenaan bahawa syarikat itu tidak lagi berkeupayaan untuk membuat pembangunan di Pulau Langkawi, Kerajaan tidak ada tujuan untuk memberhentikan syarikat yang sedia ada sekarang sehingga diberitahu bahawa mereka sekarang ini tidak ada keupayaan lagi untuk membuat kerja-kerja yang telah diserahkan kepada mereka atau yang mereka minta itu, kita tidak akan memberhentikan. Terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha, iaitu syarikat swasta yang disebutkan tadi untuk memberitahu Kerajaan tentang hasrat mereka sama ada mereka boleh membuat ataupun mengundur diri. Itu terpulang kepada syarikat swasta yang telah disebutkan tadi.

TULISAN JAWI

10. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan utama Kementeriannya bagi mengembalikan semula kedaulatan tulisan Jawi kepada masyarakat supaya menarik minat pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang ada mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan pembelajaran dan penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar-pelajar. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (1) Menjadikan tulisan Jawi sebagai skrip pengantar rasmi dalam sukanan pelajaran Pendidikan Islam di peringkat KBSR dan KBSM.
- (2) Pelajaran Jawi di peringkat sekolah rendah KBSR mula diperkenalkan dalam tahap II, tetapi dari segi pelaksanaan pelajaran Jawi tidak diajar dalatn kelas Bahasa Malaysia tetapi diajar dalam kelas Pendidikan Agama Islam KBSR.

- (3) Mulai 1980, matapelajaran kemahiran tulisan jawi telah dijadikan kursus wajib di Maktab Perguruan Islam untuk melahirkan guru-guru yang mahir dalam tulisan Jawi.
- (4) Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku 'Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan' dan sedang menyusun satu Daftar Ejaan Rumi/Jawi untuk kegunaan rujukan umum.
- (5) Memberi perangsang kepada penerbit-penerbit untuk menerbitkan buku-buku agama Bahasa Malaysia dan tulisan Jawi.

WAD SAKIT JIWA

11. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan wad sakit jiwa didirikan dalam kawasan hospital atau dekat dengan kawasan hospital. Tidakkah ini mendedahkan keselamatan pesakit-pesakit biasa jika berlakunya pesakit jiwa terlepas dari kawalan. Tidakkah lebih selamat jika wad pesakit jiwa didirikan jauh dari kawasan hospital; dan
- (b) adakah kejadian di mana pesakit jiwa terlepas dari kawalan dan menganggu pesakit-pesakit biasa.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada beberapa wad-wad psikiatrik di dalam kawasan hospital-hospital di negara ini. Ini berlaku apabila Kementerian Kesihatan mengadakan proses, dengan izin, decentralisation perkhidmatan psikiatri daripada dua institut psikiatrik besar yang ada sekarang. Wad-wad psikiatrik ditempatkan dekat hospital untuk membolehkan support

services, dengan izin, yang sedia ada di hospital-hospital digunakan untuk pesakit-pesakit psikiatrtk.

Tambahan lagi wad-wad yang ditetapkan di hospital akan menyenangkan pesakit-pesakit mendapat rawatan di tempat-tempat yang berdekatan dengan rumah mereka sendiri. Tindakan yang sewajarnya telahpun diambil untuk menentukan keselamatan pesakit-pesakit yang lain. Suka saya menyatakan di sini bahawa kebanyakan pesakit jiwa boleh dikawal dengan rawatan "modern" yang sedia ada dan juga tindakan-tindakan keselamatan yang telah disediakan.

Akhirnya, soal mengenai kejadian. Kejadian di mana pesakit jiwa terlepas dari kawalan jarang berlaku. Ini adalah kerana rawatan yang efektif yang dapat diberikan pada masa ini dan juga kawalan keselamatan yang ketat.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil kejadian di mana pesakit jiwa yang melepaskan diri dengan merempuh keluar kawalan keselamatan yang sedia ada. Kementerian Kesihatan juga sedar dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mencegah kejadian-kejadian yang seperti itu.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan, iaitu berapa buahkah rumahsakit jiwa yang khusus yang ada di negara kita, di dalam negeri-negeri mana yang ada?

Kedua, Rumahsakit Jiwa di Tampoi, Johor dan di Tanjong Rambutan, Perak, berapa jumlah penghuninya. Ketiga, adakah pesakit jiwa lelaki dan perempuan dirawat di kedua-dua rumahsakit tersebut sekali? Maknanya tidak diasingkan, kerana selalu terdapat mereka ini berkelahi. Keempat, tidakkah Kerajaan bercadang hendak

mengasingkan rumahsakit khas bagi pesakit jiwa lelaki dan rumahsakit khas bagi pesakit jiwa perempuan bagi mengelakkan pergaduhan di antara pesakit-pesakit jiwa tersebut.

Dato' K. Padmanaban: Tuan Yang di-Pertua, hospital untuk merawat pesakit jiwa ini kita mempunyai dua buah yang khusus pada masa ini, satu di Tampoi dan satu lagi di Hospital Bahagia Ulu Kinta yang dahulunya dipanggil Tanjung Rambutan.

Soalan nombor dua, di Tampoi dan Ulu Kinta, kita mempunyai lebih kurang 4,000 pesakit yang dirawati di dalam kedua-dua institusi itu.

Ketiga, tidaklah benar bahawa pesakit-pesakit perempuan dan pesakit-pesakit lelaki dirawati bersama-sama. Mereka diasingkan dalam wad-wad yang berlainan walaupun dalam hospital yang sama. Tidak ada rancangan Kementerian untuk membina hospital psikiatrik untuk pesakit-pesakit lelaki sahaja.

MUTU SUKAN DAN OLAHRAGA

12. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan positif menjadikan semua jenis sukan diintegrasikan kepada semua kaum, supaya tidak satu jenis sukan untuk satu kaum sahaja. Adakah Menteri sedar mutu kesukunan/olahraga/dan lain-lain sukan kian hari kian menurun, terutama apabila sampai ke peringkat pertandingan antarabangsa.

15.12.1986

15. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah beliau berpuashati dengan mutu sukan di negara ini dan sama adaw beliau akan memandang serius untuk meninggikan imej sukan negara. Jika ya, nyatakan apakah tindakan yang akan diambil dan bila akan bermula.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin mengambil kesempatan ini untuk menjawab juga pertanyaan-pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Dato' Haji Ishak bin Abdul Rahman yang dijadualkan pada 15hb Disember 1986 mengenai mutu sukan negara.

Perkembangan sukan di negara ini masih berupa sukarela dan pembangunan yang melibatkan pertandingan dipimpin oleh persatuan-persatuan sukan. Satu daripada dasar penting sukan ialah ke arah mencapai perpaduan kaum dan atas dasar ini Kerajaan berusaha sedaya upaya menggalakkan penyertaan semua kaum bagi semua jenis sukan dan menumpukan usaha ini, terutamanya kepada sukan-sukan biasanya disertai oleh sesuatu kaum sahaja.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan yang berkenaan menganjur program-program yang bertujuan melibatkan semua kaum dalam semua jenis sukan permainan. Umpamanya terdapatnya pertandingan pimpang untuk bukan Cina yang bertujuan untuk mencari pemain-pemain dan menggalakkan orang-orang bukan Cina bermain pimpang. Demikian juga halnya dengan permainan sepak takraw yang mana sekarang ini sudah terdapat pemain-pemain bukan Melayu bermain sepak takraw dengan baik.

Kementerian menyedari bahawa mutu bagi beberapa jenis sukan terutamanya di peringkat antarabangsa merosot kalau dibandingkan dengan pencapaian yang lalu. Bagi mengatasi perkara ini, banyak program-program telah dirancang dan dilaksanakan yang melibatkan pihak-pihak yang berkenaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan satu Kongres Sukan Kebangsaan pada awal tahun hadapan yang bertujuan untuk membentuk satu dasar Sukan Negara yang difikirkan dapat mengatasi beberapa masalah penting semasa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah permainan catur diiktiraf sebagai sukan dan termasuk di bawah Majlis Sukan Negara?

Tuan Wang Chooo Wing: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan permainan catur ini, memang susah saya hendak jawab. Permainan catur ini adalah sejenis kegiatan kebudayaan. Saya fikir permainan catur ini tidak termasuk dalam program-program sukan.

PENJARA MALAYSIA

13. **Tuan Haji Shuib bin Lazim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil bagi meningkatkan keselamatan di penjara-penjara seluruh Malaysia, supaya tidak berulang lagi peristiwa pahit yang berlaku baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bagi pihak Menteri yang berkenaan iaitu soalan ini telah dijawab pada 4.12.86 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KADAR PENGANGGURAN

14. Dato' Dr. K.S. Nijhar minta Menteri Buruh menyatakan sama ada kadar pengangguran akan terus meningkat dalam 3 atau 4 tahun yang akan datang dan apakah langkah-langkah yang akan dirancangkan bagi mengatasi masalah yang serius ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zaharah

binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, berikutnya dari pertumbuhan ekonomi yang lembab kadar pengangguran telah meningkat dari kira-kira 7.6% dalam tahun 1985 kepada 8.7% dalam tahun 1986. Sekiranya kadar pertumbuhan ekonomi yang lembab itu berterusan adalah dianggarkan kadar pengangguran akan terus meningkat dalam tiga atau empat tahun yang akan datang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kadar pengangguran yang semakin meningkat itu adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan ekonomi yang lembab yang mengakibatkan rendahnya kadar pengwujudan pekerjaan. Oleh itu Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya menwujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Kerajaan telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan dan perusahaan yang bertujuan menggalakkan kegiatan-kegiatan ekonomi oleh sektor swasta. Kerajaan yakin sektor swasta dari dalam dan luar negeri akan menyambut dengan baik langkah-langkah Kerajaan dalam usaha ini.

Di samping itu langkah-langkah yang tertentu telah dan akan diambil untuk mengurangkan pengangguran di antaranya ialah pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986 hingga 1988; pembinaan jalanraya dan jalan kecil yang banyak menggunakan tenaga

buruh; penempatan semula penganggur ke sektor perladangan yang t masih merapunyai peluang pekerjaan yang banyak; penggunaan tanah lombong untuk tujuan pertanian dan melatih atau memberi latihan semula kepada penganggur-penganggur dalam bidang pertukangan yang mempunyai peluang pekerjaan. Kerajaan akan terus mengawasi masalah pengangguran dengan telitinya, galakan-galakan akan diberi kepada penganggur-penganggur supaya bekerja sendiri, lebih berdikari dan berdaya usaha.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kira kita semua menerima hakikat bahawa meruncingnya masalah pengangguran di negara ini adalah disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi di negara kita pada ketika ini. Tetapi dalam pada itu pun tidakkah ada sebab-sebab atau masalah ini timbul disebabkan oleh kelemahan dari segi perancangan gunatenaga kita terutama sekali dari segi pengangguran yang makin lama makin meningkat di kalangan lepasan-lepasan sekolah. Jika ini disedari oleh Kerajaan, apakah langkah-langkah yang akan dibuat untuk mengatasi masalah kelemahan-kelemahan dari segi perancangan guna-tenaga kita?

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengakui bahawa ada sedikit kelemahan-kelemahan yang berlaku dari segi perancangan gunatenaga dan kita mengakui bahawa tahap pengangguran tidaklah begitu buruk sejak diperkenalkan langkah-langkah baru Belanjawan untuk mengurangkan perbelanjaan, Sebahagian besarnya Kerajaan telah berjaya mengurangkan pengangguran tetapi akan terus berusaha mengatasinya dengan berbagai-bagai langkah dan mencari jalan yang difikirkan boleh diusahasama oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan termasuk semua sektor pihak swasta yang berkaitan dengan masalah perancangan gunatenaga tadi.

PERUMAHAN KOS RENDAH - PROGRAM KHAS

15. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kemajuan Program Khas Perumahan Kos Rendah setakat ini dan masalah-masalah yang dihadapi. Apakah usaha-usaha yang lebih konkret melibatkan lagi di dalam program tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-pertua, pada tahun 1986, sejumlah 231 projek atau 96,252 unit yang dilaksanakan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah. Setakat ini sebanyak 22,622 unit berada di peringkat pembinaan rumah termasuklah kerja-kerja pertapakan.

Adalah dijangka bahawa di akhir bulan Jun 1987 sebanyak 36,677 unit akan berada di peringkat 80% siap. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa masalah dalam perlaksanaan Program Khas Perumahan Kos Rendah. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- (1) kelewatan pemaju-pemaju melaksanakan projek sungguhpun telah diberi projek berkenaan oleh Kerajaan di bawah program khas ini;
- (2) kelewatan pemaju-pemaju memulakan kerja pembinaan bagi projek-projek di atas tanah mereka sendiri dan kesulitan pemaju-pemaju memperolehi pinjaman untuk membiayai pembangunan perumahan dan mendapatkan pinjaman untuk pembelian rumah untuk pembeli-pembeli.

Di samping itu untuk memastikan supaya objektif pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah di bawah program khas ini dicapai, Kerajaan Pusat sedang berusaha bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak-tapak yang sesuai bagi pembinaan rumah-rumah tersebut oleh Kerajaan Pusat.

Kelewatan pemaju memulakan kerja di projek-projek, kebanyakannya disebabkan oleh kesulitan memperolehi pinjaman yang diperlukan dan kekurangan keupayaan kebanyakkan pemaju-pemaju. Untuk mengatasi atau mengurangkan masalah terutamanya masalah kekurangan permintaan berkesan, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- (1) membenar pengeluaran caruman kepada KWSP sebanyak 40% dari harga rumah atau jumlah kredit yang ada mengikut mana yang kurang;
- (2) melonggar syarat kelayakan uraur dari 30 tahun kepada 25 tahun untuk kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "D" atau yang setaraf dengannya, Memperolehi pinjaman perumahan Kerajaan dan mengekalkan kadar faedah ke atas pinjaman sebanyak 4% setahun bagi kakitangan dalam kumpulan tersebut;
- (3) membenar pembayaran balik pinjaman kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan secara berperingkat;
- (4) melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman dari 25 tahun ke 30 tahun bagi pinjaman oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan;
- (5) melonggar syarat kelayakan untuk pemberian pinjaman oleh institusi-institusi kewangan tersebut yang bergantung kepada pendapatan dengan membenarkan permohonan bersama oleh anggota-anggota terdekat bagi sesuatu keluarga untuk pembelian sesebuah rumah.

- (6) mengecualikan duti stem ke atas Perjanjian Pinjaman atau Gadaian untuk menjamin pinjaman dan pindah milik rumah dari pemaju kepada pembeli.

Bagi mengatasi atau mengurangkan masalah kesulitan memperolehi pinjaman untuk pembangunan perumahan dan juga pinjaman untuk pembelian rumah, satu Jawatankuasa Tetap Mengenai Pembiayaan Perumahan Kos Rendah telah diwujudkan oleh Bank Negara.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan

Hajjah Azizah. Satu soalan sahaja, sebab masa kita sudah cukup.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana memandangkan keadaan ekonomi kita yang meleset dan keadaan kemiskinan yang merata-rata di negara kita, tidakkah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang hendak mendirikan rumah kos rendah dan membina daripada bahan-bahan kayu yang terdapat di hutan-hutan belantara Malaysia kita. Kerana saya rasa rumah-rumah kayu ini pun tahan juga, kerana saya dilahirkan di atas kayu, di rumah kayu **[Ketawa]** sehingga sekarang. Dan saya rasa kalau besi itu kita import daripada luar negeri, simen juga mahal, tetapi kalau kayu harganya murah. Dan Kementerian boleh menentukan harganya \$15 ribu hingga \$20 ribu sahaja. Jadi, rasa saya kalau rumah inil orang-orang yang berpendapatan rendah seperti buruh pun mampu membelinya dan laris dijual, Semacam kueh, Tuan Yang di-Pertua, kalau 10 sen atau 15 sen laku, tetapi kalau 30 sen atau 50 sen lambat sedikit laku. Itu sahaja.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan sebenarnya beberapa Kerajaan Negeri telahpun mengadakan rumah-rumah kayu sesebuah ini, misalnya di negeri Perak, di Pahang, di Kelantan dan juga di Terengganu. memang harga-harga rumah ini tidak begitu mahal tetapi apa yang mahalnya ialah kos infrastruktur iaitu tanah dan juga seperitimana yang saya katakan tadi membina jalan, bekalan **air**, api dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Hulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertaoyaan No.16 hingga 24 adalah diberi di Lampiran "A"]

U S U L**LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN MESYUARAT
(DN Bil.3 Tahun 1986)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang,di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Negara Bil.3 Tahun 1986 diterima dan berkuatkuasa mulai tarikh penerimaannya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemuka oleh Yang Berhormat Menteri disetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Negara Bil.3 Tahun 1986 diterima dan berkuatkuasa mulai tarikh penerimaannya.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.10 ptg.**

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 19 dan 47 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 supaya perbekalan dalam Akta itu dapat diperkemaskan lagi.

Seksyen 19 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 adalah mengenai penyimpanan meteri Lembaga atau seal, dengan izin, oleh Pengerusi Lembaga.

Seksyen 47 pula adalah mengenai pengenaan cagaran atau lain-lain yang diperlukan sebelum Lembaga Letrik Sabah dapat membuat pinjaman dari mana-mana institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sedia maklum dengan persetujuan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Lembaga Letrik Sabah telahpun menjadi sebuah Perbadanan Persekutuan pada 1hb Januari, 1984. Sebagai sebuah perbadanan awam tugas-tugas pemasangan dan pembekalan elektrik yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Sabah adalah dikawal oleh peruntukan yang terdapat dalam Akta ini.

Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 sebenarnya telah digubal berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Lembaga Letrik Sabah 1981 dengan sedikit penyesuaian dibuat ke atas

beberapa peruntukan tertentu untuk disesuaikan dengan perubahan taraf Lembaga Letrik Sabah sebagai sebuah Perbadanan Persekutuan apabila Akta Lembaga Letrik Sabah dikuatkuasakan. Dengan kedudukan itu tidaklah dapat dinafikan akan terdapat, beberapa kelemahan tertentu dalam Akta berkenaan. Keadaan ini telah mendorong Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta tersebut dengan tujuan untuk memperkemas-kannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 19 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 adalah mengenai penyimpanan meteri atau seal, dengan izin, Lembaga Letrik Sabah dan pindaan ke atas seksyen ini perlu dibuat untuk membolehkan meteri am tersebut disimpan bukan sahaja oleh Pengerusi Lembaga tetapi oleh mana-mana anggota Lembaga yang diwakili oleh Pengerusi apabila perlu. Pindaan ini penting memandangkan bahawa ada kalanya keadaan di mana Pengerusi Lembaga seperti masa ini adalah merupakan seorang Pengerusi non-executive, dengan izin, sedangkan meteri am ini sentiasa diperlukan oleh Lembaga Letrik Sabah dalam urusan harian seperti sewaktu menandatangani surat perjanjian, memorandum pindah milik tanah dan sebagainya.

Oleh yang demikian bagi melicinkan pentadbiran Lembaga Letrik Sabah adalah perlu untuk dipinda seksyen 19 ini bagi membolehkan meteri am Lembaga disimpan di Pejabat Lembaga Letrik Sabah oleh Pengurus Besar atau mana-mana anggota Lembaga yang diwakilkan oleh Pengerusi untuk menyimpannya.

Seksyen 47 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 pula adalah mengenai cagaran atau lain-lain sekuriti yang perlu diadakan sebelum Lembaga Letrik Sabah dapat membuat pinjaman dari mana-mana institusi kewangan. Bagaimanapun adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa

sebarang pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan tidak akan dikenakan apa-apa sekuriti atau cagaran terhadap harta Lembaga Letrik Sabah memandangkan ianya bercanggah dengan tujuan asal sesuatu pinjaman itu dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan itu seksyen 47 perlu dipinda bagi membolehkan Lembaga dengan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab dan persetujuan Menteri Kewangan meminjam wang tanpa apa-apa bentuk sekuriti bagi memenuhi obligasi-obligasinya dan melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada faedah-faedah yang telah dinyatakan tadi, maka adalah difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini bagi meminda seksyen 19 dan seksyen 47 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 dibacan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

4.17 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983. Sebagaimana penjelasan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, saya faham bahawa ini adalah untuk mempermudahkan lagi perjalanan-perjalanan Lembaga Letrik Sabah yang telah disatukan dengan Lembaga Letrik Negara pada 1hb Januari, 1984.

Saya merasa memang telah sampai pada masanya dan kena pada waktunya bahawa meteri ataupun mohor Lembaga Letrik Sabah itu tidak dipegang oleh seorang, iaitu boleh diberi kuasa kepada sesiapa yang difikirkan perlu dan mustahak apabila Lembaga Letrik Sabah akan mengadakan satu-satu treaty atau perjanjian dengan mana-mana pihak untuk melancarkan kerja-kerja dan kegiatan Lembaga Letrik Sabah untuk faedah rakyat di negeri Sabah khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, senyampang saya membahaskan masalah Lembaga Letrik Sabah ini, sungguhpun saya faham bahawa ianya tidak kena mengena dengan apa yang akan saya sampaikan **ini**, tetapi ini ada hubungannya dengan Lembaga Letrik. Pada satu masa dahulu di dalam Dewan yang mulia ini saya pernah bertanya dalam Soal-Jawab mengenai mengapa Lembaga Letrik Negara tidak mengutamakan tiang-tiang besi konkrit untuk mengganti tiang-tiang lampu yang dibuat daripada kayu seperti yang ada sekarang. Jawapan Yang Berhormat Menteri pada masa itu ialah kerana katanya modal untuk membina atau membuat tiang-tiang lampu daripada besi ini lebih mahal sedangkan kita kecukupan kayu. Tetapi hari saya tengok sudah keadaan itu terbalik. Dikebanyakan tempat sekarang ini tiang-tiang elektrik ini sudah diganti dengan tiang-tiang simen atau konkrit yang bulat.

Saya amat bersetuju dengan cara yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara ini, kerana kalau tiang kayu boleh tahan selebih-lebihnya selama 18 tahun, kadang-kadang tidak sampai pun kalau tempat itu tempat yang semak, di tepi parit dan cepat dimakan oleh bubuk, oleh anai-anai yang akan tombang dan membahayakan, tetapi tiang simen ini saya percaya boleh tahan sehingga paling tidakpun 40 tahun. Seperti jalan simen yang Kerajaan buat jugalah mengikut kata Menteri Kerjaraya boleh tahan 40 tahun, apa lagi tiang ini yang tidak akan

dilanyak oleh siapa-siapa, tentu mungkin boleh tahan sampai 100 tahun. Jadi saya mengesyorkan kepada Kerajaan terutama kepada Lembaga Letrik Negara di mana-mana tempat yang memerlukan bekalan api sekarang ini terus dipasang dengan tiang elektrik yang dibuat daripada simen ini. Jadi kita tidak memerlukan banyak tenaga, banyak wang ringgit untuk menggantikan tiang-tiang kayu yang mudah reput, sekalipun tiang-tiang itu kata sudah diberi ubat, sudah dibuat begitu dan begini, tetapi banyak tiang-tiang yang tombang apabila datang musim angin ribut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah. Tiang-tiang kayu ini apabila sudah dipanjang oleh rumput di tepi jalan, kadang-kadang sampai berbulan-bulan melayur rumput itu, tidak ada siapa yang mempedulikannya. Kita tahu ada jentera dari Lembaga Letrik Negara yang kerjanya ronda untuk membuangnya tetapi kadang-kadang ini tidak dibuang. Jadi ini membahayakan dan bekalan api kadang-kadang putus dengan sendirinya kerana adanya sampah. Ini tidak berlaku dalam bandar, tetapi ini berlaku di kawasan luar bandar.

Jadi kalau tiang itu daripada tiang simen tentulah tidak akan merbahaya dan tiang simen itu tidak mudah reput. Jadi saya cadangkan kepada Kerajaan, kepada LLN supaya di mana-mana keadaan yang seperti itu dapat diubah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan LLN ini, di dalam bil Lembaga Letrik Negara ini ada disebutkan "Jimatkan Kegunaan Api". Rakyat disuruh jimat, tetapi api yang di tepi jalan, api di tengah jalanraya, saya lihat kadang-kadang apabila saya balik ke Klang, di Shah Alam, Batu Tiga itu, sehari suntuk lampu kuning itu menyala. Hendak suluh apa itu? Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, takkan Pegawai LLN pun tak lalu di situ, sehari suntuk menengok lampu itu menyala. Sepatutnya cepat-cepatlah padam supaya tidak membazir, dan supaya orang ramai tak kata, dia suruh kita jimat, tetapi dia sendiri tak jimat.

Dan di Pejabat-pejabat LLN ini pula, ada hari-hari Perayaan LLN, Hari Raya, Hari Krismas dan lain-lain, dia sendiri pasang lampu dengan spotlight, dengan lampu merah-hijau sampai satu minggu terus-menerus semalampan 12 jam. Orang kampung, orang di luar bandar di suruh jimat tetapi dia sendiri tak jimat. Adakan api LLN tak melalui meter, tak melalui bil. Jadi ini yang saya hendak tanya. Jangan suruh rakyat jimat tetapi yang bercakap sendiri tak jimat. Itu tidak mengikut contoh Kepimpinan Melalui Teladan.

Jadi kalau apa yang saya sebutkan ini di luar Akta ini, itu memanglah saya faham dan sengaja saya hendak mengatakan dalam Dewan ini hal-hal yang tersebut. Maka dengan itu, saya menyokong pindaan kepada Akta Lembaga Letrik Sabah, 1983. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

4.22ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ikut raenyokong Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1986 yang dibentangkan ini tetapi saya pohon izin untuk mengambil kesempatan sedikit bagi memberikan pandangan kepada pihak Lembaga ini.

Sesungguhnya di zaman sains dan teknologi ini, lebih-lebih lagi di negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun, sebagai negara yang dalam golongan negara ketiga, kuasa merupakan satu faktor yang amat penting. Bahkan sekarang ini jikalau di mana-mana sekalipun kampung-kampung di pendalaman, jika tidak mempunyai kuasa elektrik telah menjadi satu isu kepada mereka seolah-olah kawasan mereka sudah ketinggalan zaman.

Saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, biasanya di negara kita ini apakala hendak mengadakan kuasa, kalau hendak mengadakan generator atau janakuasa-letrik hendaklah generator yang besar dan terpaksa memakan belanja yang banyak, berkehendakkan kepada keadaan yang cantik-cantik, yang baik-baik sehingga menyebabkan Kerajaan kita menanggung hutang.

Demikian juga jika hendak mencari kuasa melalui hidro, kita hendak mengadakan dem (dam) yang besar seperti dem di Temenggor dan kalau boleh hendak dicari dem yang lebih besar daripada Aswan Dam, umpamanya. Saya pernah melawat ke Thailand, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu orang lain pun ramai yang melawat ke Thailand. Saya dapati banyak tempat-tempat di Thailand itu mengadakan hidro untuk mengeluarkan kuasa itu melalui anak-anak sungai yang kecil, diempang kemudian dijadikan dem untuk mengeluarkan kuasa dan mereka dapat mengeluarkan kuasa setidak-tidaknya bagi kegunaan setempat.

Umpamanya, kalau di Sabah, saya dapat tahu di Sabah banyak anak-anak sungai dan kebetulannya banyak aliran-aliran jeram yang amat baik jika diadakan dem untuk mengeluarkan kuasa atau tenaga letrik.

Saya rasa apalah salahnya dan kebetulan dalam keadaan zaman dunia sedang meleset ini dan negara kita pun sedang meleset ini, kita mengadakan dem yang kecil seperti ini melalui anak-anak sungai ini bagi mengeluarkan kuasa setidak-tidaknya bagi kepentingan daerah setempat. Umpamanya, ada anak sungai di dalam satu kampung di pendalaman, kita demkan dia untuk mencari kuasa dan boleh kita memperbekalkan kuasa kepada perkampungan di pendalaman ini.

Sebab apa, Tuan Yang di-Pertua, kalaularah kita hendak tunggu kuasa yang datang daripada pusat-pusat yang besar, daripada kuasa jentera yang besar, saya rasa kampung-kampung kita di sebelah pendalaman akan mengambil masa yang begitu lama bagi mengecapi perkembangan zaman dan untuk mengecapi pembangunan, perbekalan api elektrik khususnya bagi rumah-rumah mereka.

Sebab itulah saya mengambil kesempatan melalui Akta ini untuk memberikan satu pandangan kepada pihak Kerajaan dan Lembaga ini. Kalau boleh dengan secara tidak menggunakan peruntukan yang begitu besar tetapi dapat membekalkan tenaga elektrik ke seluruh rumah rakyat kita di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Wong Yau Ket.

4.26 ptg.

Tuan Wong Yau Ket: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama rakan-rakan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada dua perkara sahaja yang ada di dalam Rang Undang-undang ini iaitu pertama ialah mengenai meteri di bawah jagaan Lembaga Letrik Sabah dan perkara yang kedua ialah memberi kuasa meminjam kepada Lembaga.

Saya tidaklah berniat menyentuh perkara di dalam meteri itu, hanya dua perkara yang saya fikir, memberi perhatian kepada pihak berkuasa Lembaga Letrik berkenaan. Pertama ialah mengenai pembayaran untuk penggunaan letrik untuk orang yang memakai elektrik di negeri Sabah. Setakat ini, saya fikir pembayaran (charges for the electricity) itu adalah sangat tinggi di negeri Sabah.

Jikalau saya tidak salah, untuk setiap unit yang dipakai adalah dikenakan bayaran (charges) 14 sen dan on top of that, ada lagi 14 sen untuk minyak. Pada ingatan saya, beberapa tahun dahulu, musim harga minyak adalah US\$30 dollar satu tong, pada masa itu charges untuk electricity di negeri Sabah dinaikkan oleh kerana minyak adalah sangat mahal pada masa itu. Sekarang harga minyak sudah turun (harga Jun-Julai, 1986) US\$8 satu tong, sekarang sudah naik US\$14 - US\$15 dollar satu tong, tetapi charges untuk harga pada masa tiga tahun dahulu itu masih ada lagi di san, masih lagi untuk dibayar di negeri Sabah. Walaupun negeri Sabah mempunyai satu power elektrik hidro di Tenom, di bahagian pendalaman Hidro Pangi, sudah mula dipakai sejak dua tahun yang dahulu, tetapi chargesnya belum lagi turun.

Saya sudah pun bertanya beberapa orang ramai di negeri Sabah, dia bilang, apa boleh buat, sekarang pun charges Lembaga Leterik Sabah (SEB) masih lagi adalah begitu mahal. Saya haraplah pihak berkuasa SEB boleh menimbangkan supaya charges itu dikurangkan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah memberi kuasa-kuasa kepada Lembaga Letrik Sabah untuk meminjam wang dari dalam negeri ataupun meminjam wang dari luar negeri dan ini ada satu perkara saya fikir mustahak di dalam pentadbiran 'administration' di Lembaga Letrik Sabah. Perbelanjaan tahun 1987 yang baru sahaja diselesaikan oleh Dewan yang mulia ini, hutang negara sampai hujung tahun dijangka akan sampai \$93 billion, jikalau Lembaga masing-masing ataupun Kementerian masing-masing masih lagi pinjam wang yang besar dari luar negeri ataupun dalam negeri, ini memanglah satu 'heavy responsibility' untuk negara dan juga orang ramai. Saya fikir pihak berkuasa Lembaga Letrik Sabah memanglah bersungguh-sungguh di dalam pinjaman yang mereka akan ambil, biar pun dari luar negeri ataupun dalam negeri kerana projek itu memanglah perlu sekali sebelum pinjaman itu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya fikir tidak adalah apa-apa perkara mengenai Lembaga Letrik Sabah di Negeri Sabah dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-Undang ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berbahas, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua terutama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein bin Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Wong Yau Ket yang telah membahaskan usul pindaan Akta Lembaga Letrik Sabah 1983 ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, khususnya Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, bahawa Lembaga Letrik Sabah tidaklah di bawah kuasa Lembaga Letrik Negara, tetapi ianya merupakan satu perbadanan di bawah pentadbiran dan pengelolaan Kerajaan Persekutuan. Lembaga Letrik Sabah dan Lembaga Letrik Negara adalah dua badan yang mempunyai akta yang berasingan dan menjalankan usaha-usaha pentadbiran dan sebagainya mengikut akta-akta mereka yang tersendiri.

Beberapa perkara yang telah dibangkitkan tadi, ada yang tidak berkaitan dengan Akta yang saya bentangkan, tetapi walau bagaimanapun ada perkara-perkara yang digunakan oleh Lembaga Letrik Sabah ini. Sebagai satu perkara yang telah dibangkitkan ialah mengenai tiang-tiang konkrit yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dalam beberapa sidang Dewan yang lepas dan pada hari ini kita telah menggunakan tiang-tiang konkrit itu. Mungkin ketika Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara itu, kita belum gunakan lagi tiang-tiang konkrit dan setelah Yang Berhormat mengemukakan perkara itu, sebagai bukti bahawa Kerajaan menerima pandangan daripada rakyat sama ada wakil rakyat ataupun daripada Dewan Negara ini, maka Lembaga Letrik Negara khasnya LLN telahpun menggunakan tiang-tiang konkrit yang ada pada hari ini, tetapi tiang-tiang konkrit ini tidak dapat kita gunakan di kampung-kampung ataupun di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan yang tanahnya tidak sesuai oleh sebab tiang konkrit ini adalah lebih berat daripada tiang kayu. Mungkin pada hari ini kalau kita tanara tiang konkrit di kawasan persawahan yang tingginya 30 kaki, dua bulan selepas daripada itu tiang konkrit

ini akan terbenam setinggi 20 kaki dan satu hari dia akan turun lagi oleh sebab keberatan tiang ini. Maka dengan itulah tiang-tiang konkrit ini tidak digunakan di kawasan luar bandar tetapi sebaliknya di kawasan luar bandar kita menggunakan tiang-tiang kayu dan kawasan-kawasan di mana tanahnya kukuh, kuat dan kejap, kita kata, mantap, kita gunakan tiang-tiang konkrit ini. Pada hari ini kita menggunakan tiang konkrit dan tiang kayu bukan sahaja di Semenanjung, bahkan juga kita gunakan di Sabah.

Satu perkara yang dibangkitkan lagi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, tadi tentang penjimatan tenaga dan agak bercanggah, katanya, kalau dilihat ada beberapa terapat di mana ada lampu-lampu kuning ataupun lampu-lampu dipasang sehingga siang hari. Ini saya maklum, kadang-kadang perkara ini berlaku bukan di semua tempat, tetapi hanya merupakan satu ujian yang telah dibuat oleh LLN bagi kawasan yang berkenaan dan ini tidaklah berlaku pada setiap hari dan selain daripada itu kalau dipandang bahawa hari-hari perayaan **terdapat** bangunan-bangunan LLN ini dipasang dengan lampu yang terang benderang, bukan sahaja di bangunan LLN, bangunan lain juga dipasang dengan lampu yang terang benderang dan kalau saya dapat tinjau pada satu hari nanti, mungkin hari-hari perayaan yang besar di rumah Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga dipasang dengan lampu. Maklum sahajalah hari perayaan, dan dia tidak akan berlaku 30 hari atau 365 hari dalam satu tahun.

Saya rasa kita boleh benarkan hari-hari perayaan ini dipasang lampu, tetapi kita hendaklah pilih hari-hari perayaan mana yang patut kita tonjolkan semangat melalui cahaya ini sebagai penghargaan kita dalam perjuangan dan memperingati hari-hari yang besar. Saya berjanji akan keraukakan kepada pihak pentadbir LLN bahawa kita ter-

paksa memilih beberapa hari yang sesuai supaya soal penjimatan ini sebenarnya menjadi bukti dan kenyataan di atas slogan dan usaha kita untuk menjimatkan tenaga demi kepentingan kemajuan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein Ahmad telah membangkitkan mengenai penggunaan kuasa Haidro di dalam negara ini dan dibandingkan dengan penggunaan kuasa haidro yang terdapat di siam. Ingin saya maklumkan bahawa memang ada banyak sungai dan perairan di negeri Sabah, tetapi mungkin sehingga kini tidaklah begitu banyak yang boleh kita ambil ataupun kita jadikan sebagai tempat yang sesuai sebagai jeram yang boleh membawa tekanan kuasa air yang cukup untuk mengeluarkan tenaga letrik **ini**. Sungguhpun demikian ingin saya maklumkan bahawa di negeri Sabah terdapat sehingga ini kita telah bersetuju dan sebahagian daripadanya telahpun dijalankan bagi mendapatkan kuasa haidro iaitu satunya di Maratai, yang siap pada tahun 1984, Tenom Pangi - siap pada tahun 1984, Melangkap - juga telah siap, Sayap - siap pada tahun 1988 dan Karibau - siap pada tahun 1988.

Lembaga Letrik Sabah akan terus-menerus mencari terapat-tempat yang sesuai juga dan kalau boleh, kita mengadakan mini hidro yang boleh memberi tenaga yang sesuai bagi sesuatu kawasan yang berkenaan di negeri Sabah, seperti perancangan yang kita susun di Semenanjung ini.

Cadangan ataupun pandangan untuk menentukan bahawa Kerajaan jangan menggunakan banyak belanja, tetapi menggunakan sedikit belanja untuk boleh memberi tenaga yang sesuai. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli di dalam Dewan ini bahawa sememangnya dalam pentadbiran kita pada hari ini adalah berhati-hati untuk membelanjakan wang bagi mengadakan pembangunan ini dan kita percaya bahawa projek-projek yang viable yang boleh memberi keuntungan, yang boleh memberi kebaikan yang returnnya sesuai, maka insya Allah, projek inilah yang menjadi keutamaan kepada perancangan kita.

Saya ingin menarik perhatian apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wong mengenai tarif ataupun bayaran kepada unit tenaga yang digunakan oleh rakyat di negeri Sabah di mana Yang Berhormat telah kaitkan dengan tambahan harga minyak. Pada 1.4.86 Lembaga Letrik Sabah sekarang ialah 26.5 sen seunit yang kita telah turunkan 3 sen lebih rendah daripada asalnya dan harga minyak yang telah dikaitkan ke dalam unit ini telah tidak dimasukkan lagi. Saya juga ingin memberi pengakuan bahawa sebarang pinjaman yang telah dibuat dan akan di-buat akan diperhatikan betul-betul supaya ianya tidak akan membazirkan. Terima kasih.

Tinbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Tuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca bagi kali kedua.

Untuk makluraan Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (APS) adalah bagi membolehkan penyertaan badan-badan koperat di dalam perusahaan sekuriti. Di samping itu, pindaan-pindaan juga diperbuat bagi memperbaiki pentadbiran Akta tersebut dan bagi menghapus anomali serta peruntukan yang terhad untuk dikuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, APS yang ada sekarang ini telah dikuatkuaskan pada 7hb Julai, 1983 dengan tujuan untuk mengawal perjalanan industri sekuriti. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perniagaan sekuriti, perlesenan broker-broker saham, lain-

lain orang yang menjalankan perniagaan saham dan menetapkan perkara-perkara yang menjadi kesalahan di dalam perniagaan sekuriti dan lain-lain perkara berhubung dengan perusahaan sekuriti.

Oleh kerana perusahaan sekuriti adalah sebahagian daripada pasaran modal, maka ianya adalah terletak di bawah pengawasan Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, pentadbiran APS adalah di bawah Pendaftar Syarikat.

Terdapat peruntukan di bawah APS di mana Menteri Kewangan dan Pendaftar Syarikat boleh berhubung dari masa ke semasa dengan Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) untuk mendapat nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan dengan perindustrian sekuriti, demi untuk melaksanakan APS dengan patuh dan berkesan. Ahli-ahli CIC yang diketuai oleh Gabenor Bank Negara Malaysia sebagai Pengurus terdiri dari pakar-pakar, dan bersidang dari masa ke semasa. Pada asasnya peranan CIC adalah untuk mempastikan perkembangan teratur pasaran modal melalui penguatkuasaan peraturan-peraturan mengenai penge- luaran saham oleh syarikat-syarikat awam dan/atau untuk menyenarai- kannya di bursa saham di Malaysia.

Pentadbiran harian pasaran sekuriti dikendalikan oleh sebuah badan yang dikenali sebagai "The Kuala Lumpur Stock Exchange" (KLSE), dengan izin, yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat terhad oleh jaminan (limited by guarantee). Mengikut memorandum dan artikel KLSE, operasinya dikawal oleh satu jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli-ahlinya yang terdiri dari broker-broker saham. Seorang wakil Kerajaan dari Kementerian Kewangan juga dilantik menjadi ahli penuh jawatankuasa tersebut untuk menentukan yang keserauan urusan KLSE diselenggarakan dengan baik. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan semua peraturan-peraturan KLSE.

Pasaran saham baru-baru ini telah mengalami suatu krisis yang telah mengakibatkan harga saham terus menurun ke paras yang rendah berikutan dari pergantungan perniagaan di KLSE. Harga saham yang berterusan turun semenjak awal bulan Disember 1985 mencerminkan kejatuhan keyakinan para pelabur di dalam perindustrian sekuriti. Bagi mengembalikan keyakinan para pelabur, sebahagian besar daripada pindaan kepada APS ialah bertujuan menggabungkan konsep corporatisation di mana badan-badan koperat dibolehkan menjadi ahli bursa saham. Penyertaan mereka diharap akan memperbaiki kedudukan kewangan dan memimpin KLSE ke arah status antarabangsa melalui kemahiran teknikal, profesionalisme dan hubungan perniagaan. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan bagi mengalu-alukan penyertaan di perindustrian sekuriti oleh badan-badan koperat seperti bank saudagar, bank perdagangan dan syarikat broker saham antarabangsa yang terkenal. Oleh itu, peruntukan-peruntukan yang sesuai perlu diadakan untuk membolehkan penyertaan tersebut.

Memandangkan kejatuhan yang berlaku di dalam pasaran sekuriti baru-baru ini berpunca dari perbuatan manipulasi pasaran dan lain-lain perbuatan seumpamanya, hukuman yang lebih berat adalah dikenakan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen yang bersabit dengan penipuan dalam pasaran, perdagangan palsu, manipulasi pasaran saham, penyebaran maklumat yang palsu dan mengelirukan dan juga insider trading.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama kepada Akta Perindustrian Sekuriti (APS) sekarang yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Pada masa kini hanya orang perseorangan sahaja boleh menjadi ahli bursa saham. Pindaan dibuat bagi membolehkan badan-badan koperat juga menjadi ahli dan mencarum kepada tabung kesetiaan. Ini bertujuan untuk memudahkan perjalanan penyertaan badan-badan koperat di dalam perindustrian sekuriti di mana penyertaan mereka diharap akan memperbaiki kedudukan kewangan dan memimpin KLSE ke arah status antarabangsa melalui kemahiran teknikal, profesionalisme dan hubungan perniagaan. Ini adalah seimbang dengan dasar Kerajaan bagi membuka pintu perindustrian sekuriti kepada badan-badan koperat seperti bank saudagar, bank perdagangan dan syarikat broker saham antarabangsa yang terkemuka.

Di bawah peruntukan APS sekarang, lesen peniaga dikeluarkan kepada broker saham perseorangan manakala syarikat anggotanya dikecualikan daripada lesen. Pindaan dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang berkenaan supaya hanya perbadanan sahaja diberi lesen untuk berniaga sebagai peniaga sekuriti. Berikut dari

pindaan tersebut, syarikat-syarikat broker saham akan memegang lesen peniaga dan ahli-ahli syarikat (iaitu broker saham perseorangan serta dengan ahli koperat yang menyertai di bawah dasar corporatisation) akan memegang lesen wakil peniaga. Perlesenan syarikat broker saham akan mencegah syarikat tersebut dari menjalankan perniagaan sekuriti pada masa penggantungan lesen. Bagi firma perkongsian yang masih wujud (pada masa kini berjumlah sebanyak dua buah sahaja), suatu peruntukan kecualian telah dicadangkan supaya firma tersebut dapat menjalankan perniagaan di dalam sekuriti. Kedudukan pekongsi firma anggota dan juga lesen peniaga yang dikeluarkan kepadanya sebelum penguatkuasaan Akta ini akan terus sah sehingga suatu masa apabila firma anggota di mana peniaga berkenaan adalah seorang pekongsi membentuk sebuah syarikat.

Pindaan dibuat supaya adanya peruntukan baru yang akan membolehkan pengumuman cadangan skim perkiraan, skim penyusunan semula dan skim ambilalih dibuat sebelum permohonan dikemukakan kepada CIC. Ini akan mengatasi masalah yang dihadapi sekarang di mana tawaran ambilalih tidak dibenarkan bermula tanpa kelulusan CIC diperolehi terlebih dahulu. Pindaan yang dibuat bukan sahaja akan membolehkan pengutnuman skim ambilalih dibuat sebelum kelulusan CIC diperolehi tetapi akan juga mencegah berlakunya insider trading jika pengumuman tersebut terpaksa dilengahkan oleh kerana kelulusan CIC belum diperolehi.

Sungguhpun peruntukan bagi pemeriksaan dan penyiasatan ada di bawah APS sekarang, tetapi peruntukan itu bukanlah secara jelas dan nyata. Satu peruntukan baru yang dibuat akan memberi Pendaftar Syarikat kuasa pemeriksaan yang jelas dan nyata di mana Pendaftar Syartkat mempunyai kuasa untuk memeriksa buku-buku dan rekod-rekod mereka yang memegang lesen di bawah Akta ini.

Penalti Am di bawah APS (Seksyen 123) tidak menjadikan suatu kesalahan jika kesalahan dilakukan di bawah mana-mana peruntukan APS walaupun penalti disebutkan bagi mereka yang membuat kesalahan. Pindaan yang dicadangkan akan mewujudkan suatu kesalahan, di atas seseorang sekiranya ia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya di mana penalti tidak diperuntukkan dengan nyata.

Oleh kerana peristiwa yang terjadi di pasaran sekuriti baru-baru ini berpunca dari perbuatan manipulasi pasaran dan lain-lain tindakan seumpamanya, adalah dianggap perlu bagi mencegah perbuatan tersebut dengan memperuntukkan denda yang lebih berat. Di bawah pindaan ini, denda berkenaan dinaikkan kepada sekurang-kurangnya \$50,000 dan diwajibkan hukuman penjara, berbanding dengan peruntukan masa kini di mana denda tidak diayatakan dan hukuman penjara tidak dimestikan (seksyen 91 dan 92).

Bagi sebahagian dari denda-denda yang dinyatakan di dalam seksyen-seksyen yang lain, penyataan telah dibuat dan tambahan penalti adalah berbentuk denda minima dan bukan maksima.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan serta pindaan pindaan seperti yang dinyatakan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memulihkan keyakinan para pelabur kepada industri sekuriti di negara kita **ini**. Adalah diharapkan bahawa dasar Corporatisation akan membawa profesionalisme dan kemahiran di golongan masyarakat industri sekuriti di dalam usaha mempertingkatkan keyakinan para pelabur. Di samping itu, kelemahan yang terdapat di peruntukan-peruntukan APS akan dapat diperbaiki dan pengurusan dan kawalan yang lebih berkesan ke atas industri sekuriti akan dapat diadakan. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, para pelabur kecil akan

mendapat perlindungan daripada perbuatan setengah pelabur yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.57 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini iaitu membahaskan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Dalam menjelaskan masalah Rang Undang-undang yang dibentangkan ini saya percaya perkara yang utama sekali Akta ini dibentangkan adalah untuk memperbaiki pentadbiran Akta yang sedia ada dan memotong mana-mana perkataan atau perkataan yang tidak sesuai dan menggantikan mana-mana perkataan yang perlu dan juga diperhatikan dapat menghapuskan anomalি-anomali dan mempermudahkan penguatkuasaan dan tindakan-tindakan yang tertentu kepada mana-mana pihak serta melakukan sebarang pemeriksaan yang wajar dan juga menaikkan hukumanhukuman yang wajar, sama ada dalam bentuk kewangan ataupun penjara yang pada masa yang lalu kalau tidak ada tercatat untuk penguatkuasaan dimestikan hukuman penjara telahpun diwujudkan di dalam Perlembagaan yang dipinda ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kaedah ini telahpun kita merasakan dapat penentuan, satu di antaranya memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk menjalankan pemeriksaan kepada mana-mana syarikat yang difikirkan perlu.

Ini terdapat sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan ini iaitu dalam seksyen baru 94A yang berbunyi di antaranya:-

"Pendaftar boleh memeriksa dan membuat salinan ataupun cabutan daripada

(a) apa-apa dokumen, rekod atau perkara-perkara yang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini atau syarat-syarat lesen itu supaya disimpan oleh pemegang lesen itu, "

dan di antaranya lagi dinyatakan hendaklah:

"mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau perkara yang disebut dt dalam subseksyen CD." apabila dikehendaki oleh Pendaftar."

Tuan Yang di-Pertua, dengan masalah ini saya merasakan seksyen baru 94A ini khususnya dapat mengesan hal-hal perjalanan syarikat di dalam bentuk pentadbiran dan kewangan. Selain daripada itu, perkara yang penting juga disenaraikan di dalam seksyen ini iaitu mengenai berhubung dengan hukuman-hukuman yang lebih ketat daripada yang telah sedia ada. Misalannya tertakluk di dalam Seksyen baru 87A yang menyebut:

" atau penjara selatna tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya" digantikan dengan perkataan-perkataan, "tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tujuh 7 tahun".

Dengan berasaskan pewujudan dalam seksyen baru 87A ini telah semestinya satu hukuman yang dimestikan iaitu kesalahan yang sedemikian dikenakan kepada pihak yang melakukan kesalahan termasuk kepada hukuman denda \$50,000 dan penjara tidak lebih daripada 7 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dan tercatit dalam seksyen 92 Akta Ibu adalah pindaan dengan menggantikan perkataan-perkataan "atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan penjara selaras tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun". Hukuman-hukuman ini juga adalah menekankan dalam masalah ketinggian daripada hukuman-hukuman yang lalu dan dimestikan dalam hukuman penjara.

Selain daripada itu, dalam pewujudan pindaan Akta ini bolehlah diperkatakan lagi selain daripada yang saya jelaskan tadi, adalah mengadakan satu peruntukan yang mewujudkan kesalahan-kesalahan oleh orang-orang kerana melanggar peruntukan Akta atau mana-mana peraturan yang mungkin dibuat. Jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata baginya, ini terdapat dalam seksyen 123, baru yang disebutkan di antaranya, ".....jika tiada ada penalti diperuntukkan dengan nyata baginya boleh, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya." Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah membahaskan Rang Undang-undang **ini**, saya sedar undang-undang ini menekankan dalam masalah pasaran saham dan broker saham. Di samping itu saya memikirkan oleh sebab perkara ini ada kaitannya dengan hal-hal perniagaan, maka dirasakan oleh sebab ada kaitannya dalam hal perniagaan walaupun dijelaskan khususnya dalam pasaran saham, broker saham dan sebagainya, oleh sebab ada kaitannya perkara yang saya hendak jelaskan ini berhubung dengan syarikat dan sebagainya, maka saya rasakan tidaklah jadi satu kesalahan sekiranya kalau saya memperkatakan satu dua perkara ini untuk diambil perhatian.

Yang Pertama sekali saya hendak menitikberatkan berhubung dengan masalah-masalah syarikat. Apa yang kita ketahui, masalah-masalah syarikat yang nyata satu daripadanya terdiri daripada syarikat-syarikat perkongsian dan satu lagi syarikat-syarikat sendirian berhad. Ini memang telah biasa kita kenali dan telah wujud. Syarikat-syarikat perkongsian dan syarikat-syarikat sendirian berhad **ini**, kita sekarang memang mengetahui ramai di antara belia-belia ataupun orang-orang dewasa telah banyak menceburkan diri dalam hal-hal syarikat dan kita merasakan juga ada di antaranya orang-orang yang menceburkan diri dalam hal perniagaan kadang-kadang dalam, masa dua atau tiga tahun disebabkan mereka kurang pengalaman dan sebagainya, maka usaha mereka menjalankan perniagaan itu telah gagal.

Dengan masalah ini cuma kita mengharapkan kepada pihak Kerajaan atau disampaikan kepada mana-mana sumber yang perlu, maka dapat memberikan kelonggaran khususnya kepada sesiapa yang hendak menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkongsian ataupun syarikat sendirian berhad yang agak modalnya tidak melebihi \$50,000 diberikan satu kelonggaran kepada mereka tidak melebihi daripada 5 tahun. Ini maksud saya memberikan kelonggaran kepada pihak-pihak yang menjalankan syarikat perniagaan tidak lebih daripada 5 tahun, tujuannya kita tidak mengenakan sebarang cukai pendapatan ataupun cukai-cukai yang ditentukan kerana kalau usaha ini kita dapat laksanakan dan memberikan kemudahan kepada ahli-ahli syarikat yang berkenaan, mungkin dalam masa 5 tahun mereka menjalankan pengusahaan ini dan dapat mencari di mana-mana kesilapan dan tidak banyak mempunyai masalah kewangan dan sebagainya, maka dirasakan syarikat yang dijalankan oleh mereka dapat dengan baik berjalan dari semasa ke semasa dan kita mengharapkan mereka akan berjaya pada bila-bila masa akan datang.

Selain daripada itu maka kita sedar kepada syarikat-syarikat sebagai syarikat perkongsian agak mereka tidak mengemukakan berhubung dengan penyata tahunan kepada mereka, kadang-kadang ini akan mencuaikan kepada ahli syarikat dan boleh kita menentukan dalam tahap yang tertentu misalnya selama 5 tahun berturut-turut, mereka hendaklah mengemukakan penyata kewangan syarikat mereka kepada mana-mana Pendaftar Syarikat, ini akan membawa kepada kita atau mengarah kepada mereka menjaga perniagaan mereka yang berjaya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menjelaskan di sini berhubung dengan potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun potongan KWSP kepada pekerja-pekerja yang tidak berpencen.

Jadi, saya rasa dalam masalah potongan KWSP - kepada pekerja-pekerja yang tidak berpencen ini sangat baik kerana kepada pekerja-pekerja yang tidak begitu menjaga kewangannya sehingga masa mereka tua maka kadang-kadang masalah akan timbul dari segi kewangan apabila mereka telah tua. Dan tujuannya apabila mereka memerlukan misalnya hendak mendirikan rumah dan sebagainya ini juga dapat diberikan atau mengeluarkan wang yang dipotong dalam KWSP yang dipotong oleh pihak syarikat-syarikat di mana mereka bekerja.

Dalam masalah ini apa yang saya difahami potongan KWSP adalah potongan sebahagian daripada gaji bagi orang-orang yang bekerja di dalam sesuatu syarikat dan satu lagi sumbangan daripada pihak syarikat itu. Misalnya kepada orang-orang yang bekerja katalah mereka telahpun dikenakan potongan bulanan dari kira-kira tertentu misalnya sebanyak \$50 sebulan dan dikenakan tambahan kepada syarikat yang mereka bekerja mengeluarkan mungkin lebih daripada yang dikenakan kepada pekerja.

Dalam masalah ini saya merasakan kepada syarikat-syarikat yang baru hidup atau syarikat-syarikat yang kecil agak kadang-kadang mereka hendak membayar gaji dan lain-lain pendapatan yang bendak diletakkan kepada memajukan syarikat agak menyusahkan kepada mereka. Jadi, dalam masalah ini selain daripada mereka mengendalikan dari segi bentuk kewangan untuk menyelenggarakan syarikat mereka, mereka dikenakan bayaran lain daripada bayaran yang saya terangkan tadi untuk meletakkan atau memasukkan ke dalam KWSP yang bertujuan wang itu diberi kepada pekerja-pekerja yang daripada syarikat ini.

Jadi, masalah pokoknya kepada syarikat yang tidak begitu maju, kepada syarikat-syarikat yang baru muncul agak menyusah kepada syarikat dan akan memabawa kepada syarikat ini merit kepada tidak lagi menjalankan perniagaan mereka dari semasa ke semasa. Walaupun dalam tujuan ini saya setuju, jadi saya cuma menekankan potongan atau bayaran yang dikenakan kepada pihak syarikat-syarikat agar dapat dikurangkan. Saya memikirkan satu cara yang lebih sesuai ialah potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja agar perlu dikekalkan dari masa ke semasa tetapi potongan wang yang dikenakan kepada syarikat itu agak perlu dikurangkan. Misalnya dicadangkan supaya 25% daripada caruman pekerja itu bolehlah dikenakan kepada pihak syarikat ataupun dengan cara lain lagi "kita boleh menjelaskan dalam bentuk **ini**, sekiranya pihak ahli-ahli yang mencarum wang ini dalam bentuk KWSP katakanlah satu bulan \$50, kita kenakan kepada majikan sebanyak \$12.50 sahaja atau dalam bentuk lain cara untuk mengurangkan apa yang dikenakan kepada majikan atau syarikat-syarikat yang berkenaan bagi boleh menentukan 10% daripada pendapatan bulanan pekerja-pekerja itu hendaklah diletakkan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan 5% daripadanya bolehlah dikenakan kepada syarikat-syarikat yang membiayai atau mengambil pekerja-pekerja itu bekerja di syarikat-syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu satu lagi atau yang akhir sekali saya suka menarik perhatian juga kepada syarikat yang kita katakan Syarikat Kerjasama atau Koperasi. Memang Syarikat Kerjasama atau Koperasi ini banyak telah terdapat di dalam negara kita ini yang banyak menjalankan kerja-kerja mereka biasanya syarikat koperasi yang terkenal di dalam negara kita berhubung dengan Syarikat-syarikat Koperasi Kakitangan Kerajaan dan sebagainya.

Kita sedar juga kerajaan memang mengambil perhatian supaya, syarikat-syarikat kerjasama atau koperasi ini yang diambil kira bagi memajukan syarikat itu dari masa ke semasa dan kita sedar juga banyak pegawai-pegawai daripada syarikat koperasi yang telah menolong atau membantu usaha bersama-sama bagi menjayakan syarikat-syarikat koperasi di tiap-tiap negeri.

Dalam masalah ini, saya suka menarik perhatian lain sedikit daripada bentuk ini dan berbalik kepada ini. Kita perhatikan dalam pengambilan pekerja-pekerja misalnya sama ada Jaga, Tukang Kebun Sekolah dan sebagainya. Dalam peruntukan itu agar menentukan bekas-bekas perajuritnya agak perla diambil sekurang-kurangnya 40% daripada pekerja-pekerja itu mestilah dikhaskan kepada bekas-bekas perajurit. Dalam kaedah ini saya juga mencadangkan supaya Kerajaan mengambil perhatian dalam bentuk apa syarikat-syarikat perniagaan yang boleh diambil kira oleh Kerajaan agar syarikat itu boleh menjadikan sebuah syarikat yang berjaya dari masa ke semasa. Misalnya syarikat perniagaan yang menjual minyak petrol, diesel ditepi-tepi jalan. Kalau dalam bentuk syarikat ini saya rasa tidak memerlukan seseorang yang pakar dalam sesuatu jurusan tetapi boleh mengendalikan syarikat itu maka apalah salahnya kita memberi satu peruntukan. Sebarang syarikat dalam bentuk yang saya jelaskan tadi sebagai penjual minyak petrol sekurang-kurangnya 40% daripada stesen-stesen minyak yang menjual minyak petrol atau diesel mestilah diberikan khasnya kepada syarikat-syarikat kerjasama atau koperasi.

Kita sedar juga syarikat-syarikat kerjasama atau koperasi di negara-negara lain seperti negara Jepun dan sebagainya mencapai satu tahap yang begitu baik kerana mereka itu merasa syarikat itu adalah syarikat kepunyaan mereka dan sebarang masalah, sebarang pembelian atau barang-barang yang hendak digunakan keperluan harian dibeli dari syarikat tersebut kerana keuntungan daripada syarikat itu berbalik kepada mereka sendiri.

Tuan Yang **di-Pertua**, itulah sahaja yang dapat saya sampaikan di Dewan ini yang ada kaitan dengan masalah berhubung dengan syarikat. Apa yang saya katakan tadi walaupun dalam bentuk undang-undang ini menekankan khususnya pasaran saham atau broker-broker saham. Jadi, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom,

5.18 ptg

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Saya mengambil faham daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Akta ini ialah untuk memperkemaskan lagi sehingga menjatuhkan hukuman denda dan penjara kepada mereka-mereka yang menjalankan atau melakukan perbuatan manipulasi sehingga menyebabkan harga saham turun naik tidak tentu pasal sehingga menakutkan kepada orang ramai.

Apabila harga saham turun orang ramai terasa takut, apabila harga saham naik orang ramai terasa lega kerana daripada alat media massa kita, TV misalannya setiap malam ditunjukkan harga pasaran saham, apabila tanda pasaran saham, tolak sekian, tolak sekian, orang ramai merasa curiga bahawa seolah-olah pasaran wang negara, jual beli dalam negara akan mengalami sesuatu yang akan meruntuhkan ekonomi negara apabila pasaran saham turun naik. Begitu keadaannya.

Jadi, oleh kerana adanya kesedaran daripada pihak Kerajaan khasnya daripada Kementerian Kewangan yang menyedari berlakunya manipulasi di dalam pasaran saham atau di dalam apa yang dinamakan Bursa Saham yang dipasarkan melalui KLSE ini tentulah Kerajaan dapat mengawal dengan lebih baik lagi, dapat mengawal dengan lebih berkesan lagi supaya pasaran saham tidak mengalami satu krisis yang boleh mengakibatkan harga saham terus menurun ke paras rendah dengan adanya berikutan daripada penggantungan perniagaan di KLSE yang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya harga saham yang berterusan turun semanjak awal Disember, 1985, ini membayangkan kepada kita seolah-olah keyakinan para pelabur hendak melaburkan duitnya di dalam perindustrian sekuriti ini jatuh, tidak ada keyakinan mereka hendak terus melaburkan modalnya di dalam pasaran saham di dalam negara kita, di pasaran saham di KLSE. Untuk hendak menambahkan keyakinan kepada para pelabur supaya terus melabur dan terus main duit di dalam pasaran saham maka pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Perindustrian Sekuriti ataupun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, APS itu untuk melengkapkan lagi supaya di mana

badan-badan korporat dibolehkan menjadi ahli Bursa Saham. Sepertimana yang dimaklumkan kita juga sedang mengalami krisis korporat ini, saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan supaya kita berhati-hati dalam hal **ini**. Penyertaan mereka, penyertaan membolehkan badan-badan korporat menyertai Bursa Saham ini dengan harapan akan dapat memperbaiki kedudukan kewangan dan dapat menolong KLSE di dalam memperkuuhkan penjualan saham, jual beli saham dan profesionalisme dalam hubungan perniagaan mengenai dengan saham ini supaya dapat selaras dengan cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk mengalu-alukan memanggil seberapa ramai lagi peserta-peserta atau penyertaan mereka di perindustrian sekuriti oleh badan-badan korporat.

Yang dimaksudkan badan korporat ialah bank-bank saudagar atau bank-bank perdagangan ataupun syarikat-syarikat broker saham antarabangsa yang terkenal supaya dapat sama-sama memainkan peranan di dalam Bursa Saham kita di KLSE, dengan itu kekuahan, dengan itu keyakinan kepada para pelabur di dalam memainkan perniagaan saham dalam negara kita ini dapat menolong sebanyak sedikit memperkuuhkan dan menambah naik lagi ekonomi negara.

Pindaan-pindaan ini dibuat memandangkan Kementerian Kewangan, memandangkan Kerajaan menyedari kerana adanya perbuatan-perbuatan manipulasi di dalam pasaran kerana punca daripada perbuatan mereka yang tidak bertangungjawab itu Kerajaan mencadangkan, Kementerian Kewangan mencadangkan di dalam pindaan APS ini supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang melakukan manipulasi atau kesalahan-kesalahan di bawah beberapa Seksyen yang bersabit dengan

penipuan di dalam pasaran saham, perdagangan palsu, manipulasi pasaran saham atau memberi maklumat-maklumat yang palsu yang boleh mengelirukan, maklumat-maklumat yang palsu misalannya berlaku kalau pilihanraya Barisan Nasional tidak boleh mempertahankan 2/3 perniagaan akan hancur. Ini mereka ini memainkan peranan yang menyebabkan kejatuhan harga saham. Kalau orang ini terus memimpin negara ini akan jadi macam **ini**, pasaran saham turun; kalau orang ini terus buat cadangan macam **ini**, pasaran saham lagi turun dan kalau orang ini jatuh, pasaran saham naik.

Jadi, pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta APS yang dicadangkan oleh Kerajaan sehingga memberi denda yang begitu tinggi dan penjara, saya alu-alukan dan saya menyokong sepenuhnya kerana ini ada hubung kaitnya dengan kehidupan perniagaan di dalam negara kita.

Selain daripada itu di bawah peruntukan yang ada sekarang ini lesen peniaga dikeluarkan kepada broker saham ataupun orang perseorangan, manakala syarikat-syarikat yang lain dikecualikan daripada dikenakan lesen. Maka pindaan dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang berkenaan supaya hanya badan-badan atau perbadanan-perbadanan sahaja yang diberi lesen untuk bermula sebagai peniaga sekuriti.

Dengan adanya pindaan syarikat-syarikat broker saham akan memegang lesen peniaga, ahli-ahli syarikat iaitu broker saham perseorangan tadi beserta dengan ahli korporat yang menyertai di bawah dasar bersatu, bekerjasama akan memegang lesen wakil peniaga, pelesenan syarikat broker saham akan mencegah syarikat tersebut dari menjalankan perniagaan sekuriti pada msa penggantungan lesenya. Itu juga dialu-alukan kerana dengan cara ini Kerajaan akan dapat menguasai mereka yang cuba akan mengambil untung memasang jerat di tempat genting ataupun orang yang hendak menangguk di air keruh

kerana dalam bidang perniagaan perusahaan kewangan ini orang boleh kaya cepat dan orang boleh jatuh bangkrap dalam sekelip mata. Kerajaan sedar dalam hal ini Kerajaan hendak menyelamatkan mereka supaya jangan ada orang yang boleh kaya sekelip mata dan jangan ada orang yang boleh jatuh bangkrap dalam sekelip mata. Jadi, Kerajaan membuat pindaan kepada APS ini dengan beberapa pindaan-pindaan sama ada yang melibatkan penyertaan ataupun kepada hukuman kepada mereka yang menyalahgunakan Akta ini dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1986 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

5.30 ptg.

Tuan Loke Yeen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terutama saya ingin mengucapkan teriica kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya mengucapkan terima kasih juga ke atas semua pandangan, teguran dan juga cadangan-cadangan yang membina yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Izinkan saya juga di sini menjawab sedikit sebanyak dan memberi maklum balas kepada cadangan-cadangan yang dibangkitkan. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nasir bin Haji Manap adalah tidak begitu berkaitan dengan masalah yang kita bincangkan **ini**. Walau bagaimana-pun, beliau telah menimbulkan tadi masalah syarikat-syarikat kecil yang perlukan galakan dengan mendapat kecualian cukai dan sebagainya selama lebih kurang 5 tahun untuk menggalakkan perkembangan syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang dimaksudkan oleh beliau itu tidak berbangkit dan tidak ada kaitan dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri sekuriti **ini**. Juga atas masalah potongan untuk caruman kepada KWSP yang dibangkitkan oleh beliau tadi bahawa ada syarikat yang telah membuat potongan yang berlebihan. Ke atas pandangan atau teguran ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa di bawah Undang-undang ini adalah menjadi kesalahan sekiranya syarikat-syarikat berbuat demikian dan Kementerian

Kewangan akan mengambil tindakan, jika benar-benar kejadian ini berlaku. Haraplah pihak yang berkenaan memberitahu Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap juga membangkitkan beberapa perkara, khasnya masalah KWSP, masalah koperasi dan pengambilan deposit syarikat kewangan dan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, tidak berkaitan dengan masalah yang kita bincangkan ini.

Jadi saya tidak bercadang untuk menjawab perkara-perkara itu. Walay bagaimanapun, Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang ada dalam Dewan yang mulia ini telah mencatatkan teguran-teguran atau pandangan-pandangan Yang Berhormat Senator itu untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom atas sokongan beliau kepada Rang Undang-undang ini.

Sememangnya tujuan Kerajaan meminda Akta Perusahaan Sekuriti adalah untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur kecil dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya dapat memberikan jawapan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kerajaan kita ini adalah Kerajaan yang dinamik dan sentiasa terbuka kepada pandangan dan cadangan daripada semua segi dan saya di sini ingin memberikan jaminan bahawa Kerajaan akan dan mengkaji semua perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon mencadangkan Akta ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN STADIUM MERDEKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Wing]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan Akta Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1986.

Tujuan pindaan yang dicadangkan adalah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan memperkemaskinikan Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 supaya Perbadanan tersebut benar-benar dapat memainkan peranannya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini menekankan aspek-aspek berkaitan dengan kuasa-kuasa Perbadanan, keanggotaan Perbadanan, kewangan Perbadanan dan kuasa-kuasa Perbadanan untuk membuat kaedah-kaedah.

Untuk pengetahuan dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya memberikan sedikit penjelasan mengenai beberapa pindaan penting yang dicadangkan.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta ibu bagi membolehkan Perbadanan Stadium Merdeka menubuhkan, menguruskan dan menyelenggarakan mana-mana stadium dan kemudahan lain yang difikirkan perlu.

Pindaan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi menasihat atau membantu Perbadanan dalam perkara-perkara berhubung dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya serta juga membolehkan Perbadanan memberi kuasa kepada Pengerusi Perbadanan untuk menubuhkan jawatan-kuasa-jawatankuasa adhoc dari masa ke semasa.

Fasal 3 dan 5 adalah bertujuan untuk meminda peruntukan dalatn Akta ibu mengenai keanggotaan dan Peraturan Mesyuarat Perbadanan Stadium Merdeka. Adalah dicadangkan bahawa bilangan orang yang dilantik sebagai ahli-ahli Perbadanan dikurangkan untuk mempastikan kelincinan dan kecekapan dalam pengendalian Perbadanan. Di bawah Akta ibu yang berkuatkuasa sekarang, bilangan ahli Perbadanan adalah seramai 16 orang. Pindaan ini mencadangkan bahawa bilangan tersebut dikurangkan kepada 10 hingga 14 ahli sahaja. Mereka adalah terdiri dari wakil-wakil peraatusan-persatuan sukan dan orang-orang perseorangan yang difikirkan dapat memberi sumbangan kepada kemajuan Perbadanan Stadium Merdeka.

Fasal 6 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta **ibu**. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah fasal ini adalah bertujuan untuk mempermudahkan pengurusan kewangan Perbadanan. Di samping itu pindaan tersebut juga akan memperuntukkan mengenai bayaran-bayaran elaun kepada ahli-ahli Perbadanan dan ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Perbadanan. Bayaran elaun ini adalah merupakan satu kelaziman bagi ahli-ahli Lembaga Perbadanan yang lain. Walaupun demikian, saya percaya bayaran elaun ini tidak akan membebankan kedudukan kewangan Perbadanan Stadium Merdeka, oleh kerana ahli-ahli Perbadanan dijangka bermesyuarat 3 atau 4 kali sahaja dalam setahun.

Fasal 7 bertujuan untuk menambahkan peruntukan baru di bawah seksyen 12 Akta ibu bagi memberi kuasa kepada Perbadanan Stadium Merdeka untuk membuat apa-apa kaedah berkenaan dengan penggunaan Stadium, tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah Gaddam: Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akca untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat.

5.44 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian untuk menyokong pindaan Akta ini disamping untuk mengambil bahagian menyentuh di dalam beberapa perkara, khususnya dalam masalah pembangunan sukan melalui Stadium ini. Apakala disebut dalam masalah sukan, banyak orang dan banyak cerita yang telah berlaku di negara kita ini sehingga kepada masalah-masalah yang tidak harus berlaku tetapi berlaku dan menjadi buah mulut kepada seluruh rakyat. Kita sedar sukan adalah salah satu daripada cabang yang boleh memainkan peranan bagi meletakkan nama baik negara di tempat yang sepatutnya. Tetapi di akhir-akhir ini perkembangan sukan di tanah air kita khususnya, kita mestilah mengakui kita telah mula menurun daripada tahap-tahap yang pernah kita capai sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cerita sukan yang kita dengar dan amat menarik orang ramai sehingga mass-media sekarang pun telah mengadakan ruang-ruang sukan yang khusus. Ini membuktikan bahawa sukan telah menjadi minat kepada penduduk ramai dalam negara ini, tetapi malangnya setelah minat begitu berkembang, orang ramai telah

begitu menarik, sedangkan perkembangan sukan di tanahair masih belum ditakat yang lama. Lazimnya apakala keadaan-keadaan seperti ini berlaku, mahu tidak mahu, maka ahli-ahli sukan kita akan menjadi target. Umpamanya, kekalahan Misbun, Misbun yang menjadi target, kekalahan Mumtaz, Mumtaz yang menjadi target, kekalahan Rabuan **Pit**, Rabuan Pit yang menjadi target. Kalau menang seluruh rakyat negara ini yang akan mendapat penghormatan, rasa gembira kerana mereka berjaya.

Memang saya bersetuju dengan orang ramai bahawa sesuatu kejayaan di bidang sukan ini adalah menjadi hak kepada seluruh rakyat di dalam negara kita **ini**. Untuk mencapai matlamat ini, saya kira terutama bagi pihak Kementerian Kebudayan, Belia dan Sukan dan khasnya juga Perbadanan Stadium ini harus mengambil peranan yang sepatutnya dan sejajar dan untuk memberi peluang kepada Perbadanan dan lain-lain badan untuk mengambil peranan ini hendaklah mempunyai segala kelengkapan dan peralatan yang lengkap, segala kemudahan yang cukup. Saya suka menarik perhatian dalam masalah Stadium Merdeka kita **ini**. Namanya Stadium Merdeka, satu kata hikmah yang dijulang oleh seluruh rakyat negara kita. Pada permulaan pelaksanaan Stadium Merdeka ini wajar namanya Stadium Merdeka dan memang pengharapan di Stadium inilah akan menjadi satu tapak bagi melahirkan ahli-ahli sukan yang akan menyumbangkan kebaktiannya untuk meletakkan nama negara di tempat yang sebaik-baiknya, tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang ini Stadium Mereka masih kekal dengan Stadium Merdeka asalnya walaupun ada perubahan ditempat duduknya agak bertambah, tetapi segala keadaan yang lain adalah seperti yang mula-mula diusahakan.

Oleh kerana segala kekurangan yang berlaku di Stadium ini menyebabkan negara ini tidak dapat melahirkan ahli-ahli sukan,

sebagaimana yang dikehendaki oleh seluruh rakyat di negara ini. Saya ingin menarik perhatian, saya sendiri pernah ditugaskan untuk menjadi pembantu kepada Ketua Kontinjen Malaysia di dalam dua 'Sea Games' yang lalu, khususnya 'Sea Games' di Manila. Oleh kerana negara tidak mahu membelanjakan wang yang banyak, maka negara telahpun memperuntukkan kepada **athlit-athlit** yang mempunyai rekod-rekod yang sesuai sahaja untuk dihantar ke sukan 'Sea Games' di Manila pada tahun 1982. Saya bersetuju dengan cara ini, tetapi malangnya kita tidak dapat melahirkan rekod-rekod yang tepat, oleh kerana peralatan-peralatan yang ada pada kita ini ialah peralatan-peralatan yang 'maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sudah 'out-of-date'. Saya bagi satu contoh, pengharapan kita kepada Mumtaz, pada mula-mulanya di 'Sea Games' ini kita menghantar Mumtaz hanya sekadar untuk mendapat pingat gangsa. Tetapi ternyata apakala Mumtaz berlari di Manila ternyata Mumtaz telah membuat satu rekod yang baik. Demikian juga di dalam **lari berganti-ganti wanita** kita. Kita mengharapkan kita hanya akan mendapat pingat perak, tetapi ternyata apakala kita ke Manila pasukan **lari berganti-ganti wanita** kita sudah memecahkan rekod yang baik. Oleh kerana kita tidak mempunyai satu rekod yang jajar, sebagaimana yang diharapkan, kita tidak hanya banyak **athlit-athlit** yang harus mengambil bahagian-bahagian lain, sehingga kita tidak menghantar lompat pagar lelaki. Wal hal ternyata apakala Hanafiah mengambil bahagian di dalam bahagian lain, andainya kita mempunyai rekod yang tepat, barangkali kita hantar Hanafiah mengambil bahagian di dalam bahagian **itu**, sudah pasti pada hari itu Hanafiah akan membuat satu lagi pingat emas untuk Malaysia.

Itu satu daripada contoh yang kecil. Mengapa kita tidak dapat rekod-rekod yang baik, kerana peralatan di Stadium Merdeka ini sudah terlampau tua. Saya difahamkan peralatan ini dibeli oleh Kerajaan pada tahun 1977 dan diamanahkan kepada Persatuan Olahraga Amatur Malaysia (MAAU) yang menjaganya. Peralatan-peralatn ini sudahlah tua dah cara lama pula, sehingga satu peralatan yang paling murah saya kira, sukatn kelarian angin. Oleh kerana kita tidak mempunyai alat penyukat kelarian angin yang tepat dan yang baik sehingga kita tidak dapat melahirkan rekod yang tepat dan baik kepada **athlit-athlit** kita. Akibat itu kita tidak menghantar **athlit** kita di dalam satu bahagian semasa SEA Games di Manila.

Bukan sahaja setakat itu, Tuan Yang di-Pertua, semua orang nampak, semua orang tahu **athlit** kita apakala mengambil bahagian beberapa kali di Stadium Merdeka, kita akan terdengar berita si Rabuan Pit telah tegang urat kakinya, Mumtaz telah tegang urat betisnya dan ramai lagi **athlit-athlit** kita begitu. Balik tak balik kita marah kepada mereka, kurang latihan, jagaan tak cukup, pengawasan tak cukup. Kita tidak mahu mencari kelemahan-kelemahan yang hakiki.

Saya minta maaf kepada pihak Menteri, kerana Yang Berhormat Menteri sudahpun tahu hal ini, tetapi saya hendak sebut lagi. Bitumen trek yang ada di Stadium Merdeka ini, trek yang paling buruk sekali di rantau ini, orang lain tak pakai, bagaimana sekarang orang tak pakai terendak dan sekarang orang sudah pakai payung. Samalah sekarang ini, bukan sahaja di rantau ini, dunia sudah tak pakai bitumen trek yang ada di Stadium Merdeka ini, kita sahaja pakai, kita megah-megahkan dengan ini, orang sudab lama pakai tartar trek itu, kita masih lagi pakai, orang sudah pakai sintetik trek sekarang. Tartar trek orang kata sudah kebelakangan, orang pakai

yang lain, kita maaih lagi pakai yang itu. Inilah yang menyebabkan athlit-athlit kita sekejap-sekejap tegang urat, sekejap-sekejap tegang betis, tetapi kepada mereka dipersalahkan, tidak kepada kita sendiri.

Demikian juga padang bolanya bukan main lumrah lagi. Sekarang inipun ada pasukan daripada Jerman datang hendak main, bersiaplah kita, bermegah-megahlah kita, beria-rialah kita, tetapi ada satu masalah lagi dengan harapan tidak hujan. Kalau hujan, Stadium Merdeka sudah jadi stadium swimming pool . Hujan sedikit sahaja air bertakung. Kalau hujan, main sedikit sahaja sudah jadi lumpur, boleh tanam padi. Tak payah kata tanah terbiar, Stadium Merdeka boleh ditanam padi.

Saya mintalah terutama Yang Berhormat Menteri, tolong ambil perhatian. Kalau kita benar-benar hendak berjaya di bidang ini beberapa perkara ini mesti dilengkapkan, padangnya biar sempurna, jangan kita hanya tahu salahkan pasukan kita sahaja, kalau mereka main di Seoul, kita salahkan pasukan kita, kita salahkan manager, salahkan coach, sekejap-sekejap kita hendak tukar coach, sekejap-sekejap hendak tukar orang ini. Kita cari kesalahan kita sendiri dahulu, kita cari kelemahan-kelemahan yang menyebabkan lemahnya pasukan negara kita.

Dengan sebab yang demikian, saya berharap soal padang bola ini diambil perhatian, kerana negara kita pun tak kurang dahulu terkenalnya, khususnya di rantau Asia sebagai pasukan bola yang dihormati. Kita pernah mewakili Asia di dalam Olimpik. Jadi, tolonglah padang bola kita ini jangan hujan sedikit, dia sudah bertukar daripada padang bola menjadi padang renang.

Masalah trek tadi pun saya harap segera ditukarkan. Saya tengok di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelima \$10 sahaja diberi, hendak beli kacang putih untuk ahli-ahli athlit pun tak cukup, \$10 beri token. Kemudian hendak tengok pasukan negara kuat, pasukan negara maju lawan hendak suruh ambil pingat, tetapi peruntukan untuk kemudahan-kemudahan mereka \$10. Saya sedar di dalam keadaan sekarang ini kita dalam keadaan ekonomi meleset, tetapi saya kira boleh perkara-perkara yang seperti ini digantikan dengan perkara-perkara yang lain, boleh saya kira, sebab itu tolong diambil perhatian.

Demikian juga peralatan. Peralatan tahun 1977 sudah lama, sudah buruk, sudah koyak, setengahnya itu sudah hilang. Saya minta maaf, saya rasa Stadium Merdeka kita ini merupakan stadium yang utaraa di negara. Kalau hendak dikira dengan alat sukan, saya rasa Stadium Sultan Mohamad Yang Keempat di Kelantan lebih banyak, lebih lengkap daripada Stadium Merdeka. Saya tidak hendak mencabar, tetapi perkara yang seperti ini tak seharusnya.

Tambah lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1989 ini nanti Malaysia, yakni kita akan menjadi Tuan Rumah kepada SEA Games. Tahun 1989 kalau tak silap saya, insya Allah kita akan jadi Tuan Ruraah. Jadi kalau kita hendak jadi Tuan Rumah kepada SEA Games, kalau hendak tahan malu pun, kita boleh kata, tak apa, kita hendak jaga peruntukan kita, hendak jaga ekonomi kita, kita tak hendak pinda. Tetapi saya bimbang, takut malu orang lain kata athlit-athlit kita tak boleh lari di atas bitumen trek yang sudah begitu teruk dan ini menjatuhkan maruah negara, bukan sahaja maruah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Perbadanan Stadium, tetapi menjatuhkan maruah negara.

Maka dengan sebab **itu**, untuk menseimbangkan hasrat dan matlamat kita bagi mengeluarkan athlit-athlit yang baik bagi kepentingan negara, persediaan-persediaan seperti ini hendaklah diberi dengan selengkapnya, dengan sebaiknya. Kalau sudah treknya baik, kalau sudah padangnya baik, kalau sudah alat-alatnya baik, ahli-ahli kita masih tak baik lagi, adil bagi kita menyalahkan mereka, patut bagi kita menyalahkan mereka. Tetapi kalau dengan keadaan sekarang **ini**, saya rasa tak adil bagi kita semata-mata untuk meletakkan segala kesalahan dan kelemahan kepada pasukan-pasukan atau athlit kita sahaja, tak patut. Mereka hendak berlatih dengan sempurna tak dapat, mereka hendak uji dengan sebaik-baik ujian tak dapat selagi segala kelengkapan ini ,tidak dilengkapkan.

Oleh yang demikian, di samping saya hendak menyokong pindaan Akta ini, saya ingin mengambil kesempatan ini supaya kesempatan yang saya bangkitkan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak dengar Menteri hanya jawab kerana hendak jawab soalan yang saya kemukakan sahaja. Kalau hendak jawab kerana saya bangkitkan perkara ihi sekadar untuk melepaskan batuk di tangga, siang-siang lagi saya kata tak perlu dijawab, kerana saya pun pernah jadi orang tukang jawab sebelum jadi tukang tanya **ini**. Jadi, dengan sebab itu saya memohon terutama kepada Kementerian memberi jawapan-jawapan yang sungguh-sungguh boleh menghasilkan matlamat yang kita semua kehendaki, terutama kepada ahli-ahli sukan kita.

Saya rasa itu sahajalah apa yang saya hendak kemukakan, Mudah-mudahan setelah saya kemukakan **ini**, Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dan kita akan menjadi Tuan Rumah kepada SEA Games pada tahun 1987 **ini**, Kita tak akan nampak lagi trek yang ada sekarang ini, padang yang letak sekarang ini, terpaksa meminjam peralatan daripada situ dan sini.. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lain yang hendak membahas? Ya, Yang Berhormat Puan Mazidah.

6.00 ptg.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta di dalam pembahasan Rang Undang-undang mengenai Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 ini dengan tujuan untuk turut sama menyokong atas pindaan yang dibuat itu.

Ada beberapa perkara yang saya kira mungkin mempunyai kaitan secara langsung dengan Stadium Merdeka ataupun secara tidak langsung ada kaitannya kerana dia berkaitan dengan soal mempertingkatkan prestasi dan juga kebolehan kita di dalam bidang kesukanan di negara ini.

Akta ini berkaitan terus dengan usaha-usaha yang cuba kita lakukan bagi mempertingkatkan pengurusan dan keberkesanan perjalanan Stadium Merdeka dengan tujuannya yang memang baik, iaitu supaya kemudahan kesukanan di negara ini dipertingkatkan guna memberi hasil yang sepatutnya kepada kesukanan di negara ini.

Dalam pada itu pun, saya ingin membangkitkan masalah mengenai latihan-latihan kesukanan yang kadangkala tidak dapat kita lakukan di dalam Stadium Merdeka ini sendiri yang mungkin dari segi penyusunannya, dari segi rancangan latihan-latihan itu tidak begitu teratur ataupun mempunyai kelemahan-kelemahan yang tidak diambil perhatian yang sepatutnya oleh badan-badan yang berkenaan ataupun Kementerian sendiri.

Kita sering mendengar di negara ini tentang latihan-latihan yang dijalankan oleh para athlit kita di luar Stadium Merdeka sendiri yang kadangkala menyebabkan berlakunya kemalangan-kemalangan yang mengakibatkan hingga para athlit kita itu menemui maut.

Kita pernah tnendengar kes di mana seorang Pelumba Basikal kita

yang dengan sia-sia sahaja terpaksa dikorbankan nyawanya disebabkan oleh kemudahan latihan baginya tidak begitu memuaskan dan tidak begitu diambil berat serta diambil perhatian oleh pihak-pihak yang tertentu.

Begitu juga satu kes pernah berlaku dahulu, kalau saya tak silap, beberapa tahun yang sudah; seorang Pejalan Kaki Wanita yang juga menemui ajalnya di tepi jalan kerana membuat latihan di waktu subuh tanpa ada apa-apa penyusunan yang rapi dari segi latihan-latihan yang dijalankan. Jadi, sementara kita memperbaiki dan memperkaskan kemudahan-kemudahan yang ada untuk kegunaan latihan para athlit, para ahli sukan kita di Stadium Merdeka yang tertutup yang mungkin alatnya, insya Allah, di satu masa nanti mungkin diperbaiki peralatan dan sebagainya.

Kita juga mengambil perhatian tentang kemudahan-kemudahan latihan-latihan yang dijalankan di luar stadiura ini sendiri sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Kadangkala ahli-ahli athlit kita terpaksa berlumba-lumba dengan motosikal, dengan basikal, dengan bas dan sebagainya yang benar-benar mengancam keselamatan mereka sendiri. Jadi, saya kira perkara seperti ini harus juga kita ambil perhatian supaya apa juga usaha yang kita lakukan dari segi pengembangan dan pembangunan kesukinan negara ini dilihat secara keseluruhannya, bukan sekadar dari segi latihan-latihan yang boleh kita lakukan di dalam Stadium Merdeka dan tempat-tempat latihan yang bertutup umpamanya.

Seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah soal semangat kesukinan ini iaitu perasaan kurang puas, perasaan kebimbangan saya dan perasaan kurang puas hati terhadap jawapan daripada soalan yang saya buat di Dewan yang mulia ini ketika Soal Jawab mengenai rasuah yang berlaku di kalangan ahli-ahli sukan kita tempoh hari.

Saya berasa perkara ini ada kaitannya dengan Akta yang kita bahaskan pada hari ini kerana pada ketika itu walaupun kita menyebutkan soal kebaikan dan mempetingkatkan kemudahan yang dapat kita gunakan daripada Stadium Merdeka ini, saya kira macam mana baik sekalipun kemudahan-kemudahan yang kita berikan melalui Stadium Merdeka ataupun melalui Pusat-pusat Latihan Kesukanan yang lainnya, tetapi jika kita tidak memberatkan soal latihan semangat kepada ahli-ahli sukan kita ini maka saya kira apa juga latihan yang diberikan itu tidak merupakan satu latihan yang menyeluruh.

Saya kurang puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Kementerian dalam soalan itu ialah apabila saya menanyakan sama ada kita mempunyai latihan-latihan memperkuatkan semangat ahli-ahli sukan kita tentang kecintaannya kepada negara apabila dia merupakan duta-duta kita atau wakil-wakil kita di dalam pertandingan-pertandingan kesukanan di luar negeri terutamanya.

Saya mendapat jawapan daripada Kementerian pada ketika itu yang mengatakan memang ada latihan-latihan ini dijalankan, tetapi walau banyak manapun latihan dari segi meningkatkan semangat ini dijalankan namun kalau ahli sukan itu mahu melencong, mahu menderhaka kepada negara atau mahu menjatuhkan imej negara, tidak ada apa-apa yang dapat kita lakukan.

Saya kurang puas hati dengan jawapan ini kerana jika sekiranya Kementerian telah memang memberikan latihan-latihan yang sedemikian tahun demi tahun dan tiap-tiap kali kita membuat persediaan untuk menghantarkan kontigen-kontigen kita ke luar negeri, tetapi kesannya tidak kelihatan maka sepatutnya Kementerian harus bertanya semestinya ada kelemahan, ada silapnya dari segi latihan semangat yang diberikan itu. Jadi, oleh kerana itu saya ingin mengambil perhatian Kementerian yang berkenaan supaya jika kita telah mengetahui tidak ada kesannya dari segi latihan-latihan semangat yang kita berikan ini kepada ahli-ahli sukan kita, maka seharusnya kita mencari jalan

mengemukakan cara-cara ataupun pendekatan baru dari segi cara-cara kita memberikan semangat kesukanan yang tinggi, yang dikaitkan dengan semangat kecintaan dan semangat bangga dengan negara kita sendiri. Jadi, saya kira kalau kita dapat melakukan ini maka barulah kita dapat benar-benar berjaya kerana penyertaan kita di dalam sukan-sukan luar negeri di peringkat antarabangsa dan sebagainya yang kita utamakan ialah imej negara itu. Salah satu cara kita menaikkan nama kita di mata dunia sebenarnya.

Satu lagi perkara yang ingin saya kemukakan ialah perasaan kecewa di kalangan kita semua tentang prestasi kesukanan kita yang kelihatannya makin lama makin merosot.

Satu masa dahulu kita begitu berbangga dengan bidang-bidang tertentu di dalam sukan, umpamanya dalam badminton kita menjadi jaguh. Satu masa dahulu hoki pun begitu juga.

Apabila kita mula memperkenalkan pertandingan Piala Merdeka untuk bolasepak kalau saya tak silap, untuk beberapa tahun yang berturut-turut, Malaysia yang menjadi tuan rumah kerana dia yang mengajurkan permainan ini tetap menjadi johan, tetapi lama kelamaan Piala Merdeka ini terutamanya kita lihat, makin lama makin jauh daripada pencapaian kita sendiri.

Saya kira sementara kita memperbaiki keadaan stadium, latihan dan segala apa juga perkara yang dikaitkan dengan kemajuan kesukanan ini sendiri, ada baiknya pihak-pihak tertentu memikirkan cara mana yang paling baik kita dapat mencungkil bakat-bakat ahli-ahli sukan kita dari masa umur yang lebih muda lagi. Mungkin ada di antara jenis-jenis sukannya yang memang kita cuba mengenalpasti bakat-bakat ini daripada bangku-bangku sekolah lagi, tetapi hanya sekadar mengenalpasti sahaja dengan tidak disusuli dengan latihan-latihan yang sewajarnya kepada mereka **ini**, maka saya kira kita tidak boleh mengharapkan sesuatu yang baik dapat kita capai kemudian nanti

Saya kira apa yang harus kita lakukan ialah setelah dikenalpasti, diberi segala latihan, maka hendaklah ada juga cara-cara bagaimana kita dapat memberikan sokongan dari segi moral, dari segi material dan sebagainya supaya tumpuannya untuk menjadi seorang ahli sukan yang terkemuka itu dapat kita capai. Masalah kita ialah kita terlalu, dengan izin, ad-hoc dari segi latihan ini. Bila kita hendak, baru kita latih, tetapi kita tidak memikirkan jangka panjang dari segi latihan kita. Mengapa tidak kita kenalpasti bakat-bakat ini dan membuat program jangka panjang untuk 10 tahun, untuk 5 tahun, untuk beberapa tahun juga. Dengan cara ini sahajalah saya rasa dapat kita tentukan adanya bakat-bakat dengan secara sambung menyambung. Kalau tidak, apabila seseorang ahli sukan yang handal itu **ada**, masa itu naiklah nama kita, harumlah nama negara kita. Tetapi apabila prestasi ahli-ahli sukan itu menurun, maka turun teruslah, tiada penyambungan dari segi ahli-ahli sukan yang handal yang boleh menaik dan mengharumkan nama negara dalam bidang kesukanan ini.

Tuan yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang saya berikan itu, saya ingin turut menyokong pindaan yang dibuat kepada Akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakah Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk bersama-sama menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya ingin menambah sedikit dari segi hujah-hujah

sokongan dan pandangan mengenai Rang Undang-undang **ini**, selain daripada yang dibawa oleh kedua-dua Yang Berhormat Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Petua, adalah diharapkan dengan pindaan Rang Undang-undang ini, satu kemaskini yang konkrit yang boleh membawa kepada perubahan-perubahan yang positif dapat dilakukan untuk mengekalkan imej dan mengekalkan kemasyhuran ataupun prestasi Stadium Merdeka yang menjadi tempat yang amat bersejarah di dalam negara kita ini dan dianggap sebagai satu stadium yang terbaik di negara ASEAN. Hendaknya dapatlah juga dihindarkan nanti beberapa perkara yang titik-benget ataupun yang remeh-temeh yang kurang diberikan perhatian terhadap stadium yang kita jadikan sebagai satu tempat sejarah dan juga tempat tumpuan pelancongan apabila mereka datang ke tanahair kita ini, iaitu masalah kebersihan dan masalah kurang perhatian, kurang pemeliharaan kepada dekorasi atau hiasan yang ada di stadium itu sendiri. Kian lama kita lihat stadium kita ini kian suram dan muram, apatah lagi setelah adanya PWTC dan setelah adanya beberapa tempat-tempat tumpuan ramai yang dibina di dalam Wilayah Persekutuan sendiri,

Terdapat apabila stadium di disewakan, umpamanya, kekotoran yang boleh dikatakan menjelik mata, terdapat juga beberapa kerosakan-kerosakan berlaku dan lambat diperbaiki. Umpamanya seperti kegunaan air, tandas-tandas dan juga lorong-lorong laluan untuk orang ramai, kerana kalau dahulu pertandingan atau Musabaqah al-Quran di peringkat antarabangsa dibuat di situ, sekarang telah dialihkan, kita dapati benda-benda ini terdapat berkeadaan di masa yang berkenaan, dan juga di lain-lain waktu, kalau stadium ini digunakan oleh pihak-pihak yang menyewa. Terdapat rungutan-rungutan

juga daripada penyewa-penyewa bahawa baoyak kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang tidak up-to-date di stadium yang berkenaan. Mudah-mudahan dengan mengurangkan ahli Perbadanan yang berkenaan, anggota-anggota Perbadanan Stadium ini, mesyuarat dapat selalu diadakan, kerja dapat dijalankan, tidak payah tunggu korum dan kewangan-kewangan dapat ditambahkan bagi mengindah, memelihara dan mengekalkan kemasyhuran serta identiti kepada stadium yang berkenaan.

Seperkara lagi entah kenapa, kian lama kian merosot semangat kesukuan di negara kita seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Mazidah aebentar tadi. Umpamanya, apabila ada pertandingan-pertandingan yang bukan peringkat besar, pertandingan persahabatan atau pertandingan di antara negeri-negeri, bukan piala besar macam Piala Merdeka, Piala Ghafar Baba, Piala Agong dan lain-lain di dapati stadium ini akan sunyi-sepi, tiada penonton-penonton. Kalau ada riuh-rendah pun ialah di antara pasukan bolasepak, umpamanya, kalau bolasepak, dengan pasukan yang bertanding itu sahaja, dihadiri oleh 200-300 orang. Baru-baru ini pertandingan di peringkat Wilayah umpamanya, mereka cuba menarik perhatian ramai dengan mengadakan sebelum pertandingan akhir itu, pertandingan bola persahabatan di antara **artist-artist** dengan pasukan lain dengan harapan penonton-penonton akan berduyun-duyun, berebut-rebut seperti 3, 4 tahun yang lalu hadir ke stadium dan dapatlah kewangan ini lega sedikit bagi pihak penganjur. Malangnya hampir-hampir ketakutan yang melihat bola, kerana yang ada kerusi-kerusi sahaja sedangkan penontonnya lebih kurang dalam 1,000 yang hadir. Bagaimana perkara ini berlaku? Adakah ini juga jejasnya atau akibat daripada kemerosotan ekonomi? Atau kerana semangat sukan yang kurang kerana adanya

massmedia yang begitu baik dan begitu maju di negara kita, umpamanya teleyisyen dan juga radio atau kerana pengendalian kepada pertandingan itu sendiri, kelengkapan di stadium itu sendiri yang menjadi kelemahannya. Umpamanya harga tiket, mungkin juga bagi menarik perhatian ramai dan sesuai dengan kemerosotan ekonomi, supaya semangat sukan itu kekal, tidak kerana duti barangkali, orang lupa kepada sukan, tidak mahu menonton apa-apa lagi pertandingan sukan di stadium yang terkenal ini. Harga tiket ini rasanya baik juga pihak Perbadanan ini ataupun pihak-pihak penganjur memikirkannya, kalau selalunya dijual sampai \$10, \$20, \$30, baik juga dikurangkan sedikit daripada itu. Kalau first clasanya dahulu \$5 eloklah dikurangkan sedikit supaya semangat kesukunan menonton sukan ini sentiasa hidup di kalangan sanubari rakyat yang cintakan sukan di negara kita ini khasnya dan di kawasan Wilayah Persekutuan ini amnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang rasanya yang hendak disentuh mengenai stadium ini ialah kalaulah ada kesungguhan daripada semua pihak yang sayangkan kepada Stadium Merdeka kita ini dan kepada fungsi-fungsinya dan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, kita percaya prestasi yang lebih baik dapat dicapai dan segala kelemahan-kelemahan yang disebutkan tadi akan dapat diperbaiki dan juga saranan serta juga pandangan, cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan ini diambil perhatian berat, maka tidaklah nanti satu ketika Stadium Merdeka kita ini hanya merupakan sebatas tempat tontonan sahaja, bukan lagi tempat yang boleh dianjurkan pertandingan-pertandingan yang membawa imej kesukunan kepada negara.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong kepada pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tiada lagi perbahasan, saya minta Menteri di Kementerian yang berkenaan memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tiada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mernberi jawapan.

6.20 ptg

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menjelaskan lagi beberapa perkara dalam Akta ibu supaya kerja-kerja Perbadanan Stadium Merdeka dapat dijalankan dengan lebih licin. Dengan ini saya yakin keberkesanan Perbadanan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan pindaan Rang Undang-undang ini. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tugas Perbadanan Stadium Merdeka ini yang terutama sekali ialah menyediakan kemudahan-kemudahan yang baik atau yang moden kepada pengguna-pengguna Stadium supaya dapat menolong mempertingkatkan lagi mutu sukan.

Saya memang sedar kemudahan-kemudahan yang ada di dalam Stadium itu memang sudah lama. Maklumlah Stadium itu sudah begitu lama juga sejarahnya. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malayaia Kelima sebanyak \$1.5 juta telah diluluskan oleh Kerajaan menerusi peruntukan pembangunan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk projek pemasagangan 'synthetic track' dan membina semula padang bola Stadium Merdeka Itu. Ini adalah untuk menjawab teguran Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad kerana Yang Berhormat tadi mengemukakan masalah track di Stadium itu. Memang track itu sudah lama dan memang benar banyak negara-negara tidak menggunakan track sejenis itu yang sudah ketinggalan zaman itu.

Selain daripada itu, Perbadanan juga sedang berusaha menambahkan pendapatannya dengan berbagai-bagai rancangan yang sedang disediakan. Dengan pendapatan yang lebih sudah tentu Perbadanan akan dapat membeli sendiri alat-alat kelengkapan olahraga, dan saya telah diberitahu bahawa alat-alat kelengkapan yang lebih banyak akan dibeli pada tahun 1987 bagi menggantikan alat-alat lama yang dibeli oleh Kerajaan semasa Sukan SEA 1977 yang masih digunakan lagi sekarang.

Berkenaan dengan mutu sukan, seperti yang saya katakan tadi dalam Dewan yang mulia ini, memang pada keseluruhannya mutu sukan di negara ini merosot. Pihak Kementerian kita sedang memberi perhatian penuh ke atas kemerosotan sukan di negara ini dan rancangan-rancangan yang positif sedang dilaksanakan untuk mengatasi perkara ini. Misalnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang berusaha memperkemaskan jentera pentadbiran persatuan-persatuan sukan iaitu menolong persatuan-persatuan ini dari segi pegawai dan lain-lain perkara supaya pentadbiran persatuan sukan itu dapat dipertingkatkan mutunya. Dengan itu diharap persatuan-persatuan tersebut dapat memimpin dan menganjurkan pertandingan-pertandingan dengan lebih berkesan.

Selain dari itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu persatuan-persatuan sukan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa dan juga melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejurulatihan, Skim perangsang telah juga diwujudkan untuk membantu atlet-atlet mengadakan latihan sempurna dan menjaga hak kebaikan mereka.

Yang Berhormat Puan Mazidah telah mengemukakan sekali lagi masalah rasuah yang telah berlaku di Seoul. Sebenarnya saya telah menjawab soal itu tempoh hari di dalam Dewan yang mulia **ini**. Rasanya Yang Berhormat itu tidak beberapa puas hati berkenaan dengan jawapan **itu**. Saya ingin menjelaskan sekali lagi biasanya soal-soal sejenis ini adalah diuruskan oleh persatuan-persatuan sukan yang berkenaan. Memang perkara ini adalah satu perkara yang serius kerana perkara ini telah menjejaskan nama baik negara **ini**. Saya berjanji saya akan memberi perhatian yang serius juga kepada perkara ini dan saya akan berbincang dengan persatuan-persatuan yang berkenaan dengan mendapatkan butir-butir yang lebih lanjut. Kalau perlu tindakan harus diambil, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sesuai.

Berkaitan dengan soal harga tiket yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon **binti Ariffin**, saya ingin juga menjelaskan di sini biasanya harga tiket itu adalah ditetapkan oleh pihak pengajur atau persatuan-persatuan sukan yang berkenaan. Pihak Perbadanan Stadium Merdeka cuma dapat menolong dari segi sewa sahaja. Biasanya Perbadanan Stadium mengenakan sewa yang rendah kepada acara-acara sukan yang diadakan baik di dalam Stadium Merdeka ataupun di Stadium Negara. Sewa-sewa itu sebenarnya cuma sebagai satu bayaran perkhidmatan sahaja. Dari segi ini sahaja pihak Perbadanan Stadium Merdeka dapat menolong sedikit sebanyak untuk mengurangkan beban pihak penonton.

Tuan Yang di-Pertua, saya setakat ini sahajalah saya fikir soal-soal yang ditimbulkan dalam perbahasan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih kurang semuanya telah saya jawab. Saya tidak dapat mencatatkan semua soalan-soalan yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, tetapi sekiranya ada apa-apa pandangan atau cadangan yang saya tidak dapat sentuh saya akan memberi perhatian sewajarnya, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 15hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 24 adalah diberi di bawah ini]

AKTA KOPERASI 1948 - PINDAAN

16. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan menimbang untuk merainda dan menyusun semula Akta Pertubuhan Koperasi untuk menentukan perkembangan koperasi di negara ini dengan cergas dan
- (b) bolehkah Kerajaan menimbang untuk memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menyiasat dan mengaudit akaun-akaun pertubuhan koperasi di negara ini.

Tuan Loke Tuen Yow:

- (a) Peruntukan-peruntukan dalam Akta Koperasi 1948 (Semenanjung Malaysia), Ordinan Koperasi Sabah dan Ordinan Koperasi Sarawak, yang ada sekarang, akan dipinda bagt mengetatkan lagi peruntukan-peruntukan mengenai penerimaan deposit, pemberian pinjaman, pelaburan wang dan penubuhan anak syarikat oleh koperasi-koperasi berdaftar. Pindaan ini bertujuan untuk mencegah penyelewengan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Koperasi di negara ini ada membuat peruntukan supaya akaun-akaun koperasi diaudit oleh Ketua Pendaftar dan Pendaftar-pendaftar Negeri berkenaan atau oleh orang-orang (Juru-audit dan Firma Audit) yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. Peruntukan bagi menyiasat hal-ehwal (perlembagaan, perjalanan dan

keadaan kewangan) koperasi-koperasi berdaftar juga ada diperbuat dalam Undang-undang tersebut. Penyiasatan (inquiry) ini boleh dijalankan sendiri oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar Koperasi Negeri atau oleh orang yang diberikuasa dan diarah, sama ada dengan kemahuan Ketua Pendaftar atau Pendaftar sendiri ataupun atas permintaan pertubuhan Koperasi yang berkenaan. Oleh itu tidaklah perlu bagi Kerajaan menimbang untuk memberi kuasa kepada Bank negara menyiasat dan mengaudit akaun-akaun pertubuhan koperasi di negara ini.

AHLI PARLIMEN MELOMPAT KE PARTI LAIN

17. Tuan R.M.Jasni minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal satu akta yang menghalang seseorang Ahli Parlimen melompat dari satu Parti ke satu Parti yang lain, seperti yang berlaku dengan Akta Anti Melompat di Dewan Undangan Negeri Sabah.

Tuan Kasitah Gaddam: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang yang menghalang seseorang Ahli Parlimen melorap dari satu Parti ke satu Parti yang lain.

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN

18. Tuan A.Shaik Dawood minta Menteri Kewangan menyatakan ke arah mana wang Kerajaan dibelanjakan kerana buat masa ini Kerajaan sentiasa menyatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai wang.

Tuan Loke Yuen Yow: Kerajaan tidak berkata yang Kerajaan tidak mempunyai wang. Apa yang Kerajaan telah menyatakan ialah bahawa oleh kerana terdapat kemelesetan ekonomi yang berpanjangan, keduduk-

an kewangan Kerajaan telah terjejas. Ini dapat dilihat di mana pada tahun 1986 ini buat kali pertamanya sejak tahun 1972, akaun semasa Kerajaan Persekutuan akan mengalami defisit,

Perbelanjaan Kerajaan, pada sebahagian besar daripadanya adalah meliputi perbelanjaan mengurus iaitu bagi membiayai perbelanjaan semasa seperti gaji kakitangan awam, bekalan dan perkhidmatan, bayaran khidmat hutang, penceن dan pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Pada asasnya perbelanjaan mengurus bagi satu-satu tahun itu adalah dibiayai daripada kutipan hasil yang dibuat. Oleh kerana kutipan hasil dijangka akan berkurangan, akibat daripada kemelesetan ekonomi, Kerajaan sedang melaksanakan langkah jimat cermat yang bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus. Namun demikian, perkhidmatan-perkhidmatan yang penting dan yang diperlukan akan terus diberi peruntukan yang secukupnya.

Di samping itu, terdapat juga perbelanjaan pembangunan yang meliputi peruntukan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan. Oleh kerana perbelanjaan pembangunan adalah dibiayai daripada pinjaman sama ada daripada punca dalam atau luar negeri, Kerajaan sentiasa menentukan bahawa projek-projek yang dilaksanakan akan dapat mengembangkan asas pengeluaran negara dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang penting. Sungguhpun jumlah pinjaman khasnya daripada luar negeri yang diperolehi sejak kebelakangan ini telah meningkat, Kerajaan masih mampu untuk menjelaskan hutang-hutang tersebut. Dalam perkara ini, Kerajaan sentiasa menentukan bahawa pinjaman, terutamanya daripada luar negeri, diperolehi dengan berhati-hati (prudent). Selaras dengan ini, jumlah perbelanjaan pembangunan telah dikurangkan supaya paras hutang tidak melebihi paras yang kurang menyenangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, analisa yang terperinci mengenai arah perbelanjaan Kerajaan adalah terkandung di dalam Laporan Ekonomi 1986/87 yang telah dibentangkan bersama-sama dengan Ucapan Belanjawan 987 baru-baru ini.

JUDI - MENGHARAMKAN

19. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menjelaskan sejauhmanakah kajian telah dibuat mengharamkan segala jenis judi yang ada dalam Negara ini. Adakah ianya boleh diharamkan beroperasi dalam Negara ini. Jika tidak kenapa.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Perjudian adalah sukar untuk dihapus sama sekali. Oleh itu apa yang Kerajaan lakukan ialah mengadakan undang-undang mengawal perjudian dan menghadkan kepada perjudian jenis-jenis tertentu di tempat-tempat tertentu sahaja, menuju ke arah penghapusannya.

Bagaimanapun bagi orang-orang Islam berjudi adalah suatu kesalahan jenayah di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak.

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

20. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1985;
- (b) beberapa jumlahnya dari cukai langsung dan tidak langsung;
- (c) berapakah jumlahnya yang diperolehi dari Negeri Sarawak; dan
- (d) berapakah yang diperuntukkan untuk pembangunan asas dan ekonomi negeri Sarawak tahun 1986.

Tuan Loke Yuen Yow: Adalah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa:-

- (a) Hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1985 berjumlah sebanyak \$21,114.60 juta;
- (b) Hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1985 bagi Cukai Langsung ialah \$9,537.6 juta dan bagi Cukai Tidak Langsung ialah \$8,395.27 juta. Cukai Langsung telah menyumbangkan sebanyak 45.17% dan Cukai Tidak Langsung pula

telah menyumbangkan sebanyak 39.76% kepada hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1985.

- (c) Hasil Kerajaan Persekutuan yang diperolehi dari negeri Sarawak bagi tahun 1985 berjumlah sebanya - \$1,392.41 juta.
- (d) Jumlah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan asas dan ekonomi Negeri Sarawak tahun 1986 berjumlah \$339.90 juta. Jumlah ini tidak termasuk pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sarawak dalam bentuk geran bagi tahun 1986 yang berjumlah sebanyak \$102.15 juta.

GURU SANDARAN

21. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah guru sandaran bagi menampung kekurangan guru-guru mengikut negeri-negeri.

Tuan Woon See Chin: Jumlah bilangan guru sandaran tanpa latihan yang menampung kekurangan guru-guru terlatih mengikut negeri bagi sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

Negeri	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
Perlis	84	11
Kedah	839	448
Pulau Pinang	970	32
Perak	1500	236
Wilayah Persekutuan	1424	204
Negeri Sembilan	658	89
Melaka	271	14
Johor	1763	145
Pahang	963	259
Terengganu	821	61
Kelantan	1001	17
Sabah	2842	449
Sarawak	2899	532
Jumlah:	16,974	2,142

PENYAKIT AIDS

22. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaikah bilagannya yang dapat dikesan orang yang telah mengidap menyakit AIDS di negara kita sehingga 31hb. Oktober, 1986 dan nyatakan pembawa kuman peyakit tersebut dan bagaimana boleh menjangkiti

Dato' K. Pathmanaban: Sehingga 31hb. Oktober, 1986, tidak ada kes AIDS yang telah dilaporkan di seluruh negara. Tetapi Kementerian Kesihatan telah dapat mengesan 5 orang pembawa peyakit ini dalam masa tetnpoh yang sama.

Penyakit AIDS boleh menjangkitt dengan cara-cara di bawah:

- (1) Melalui perhubungan jantina dengan seseorang yang dijangkiti dengan kuman AIDS;
- (2) Melalui suntikan di mana jarum yang diguna telah dicemar dengan darah pesakit AIDS atau darah pembawa penyakit AIDS, seperti di kalangan penagih dadah yang berkotigsi mengguna jarum suntikan;
- (3) Melalui pemindahan darah di mana darah yang digunakan telah dicemar degan kuman AIDS.

DISIPLIN MURID-MURID

23. Tuan Tay Chee King minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah disiplin murid-murid di sekolah yang merosot, kes-kes pelajar ponteng kelas yang semakin bertambah.

Tuan Wooo See Chin: Keadaan disiplin di kalangan murid-murid adalah terkawal. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kejadian salahlaku di kalangan mereka. Kementerian Pelajaran memang ada mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengawal masalah disiplin di sekolah-sekolah. Di antaranya ialah:

1.1 Meningkatkan kecekapan guru mengajar dalam matapelajaran-matapelajaran dan Pengetua-pengetua dalam pengurusan sekolah melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel dan sebagainya.

1.2 Mengeluarkan buku-buku panduan seperti:

Buku Panduan Am Disiplin Sekolah, Buku Panduan Disiplin Sekolah Untuk Ibu Bapa, Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru, Buku Panduan Penyalahgunaan Dadah dan lain-lain surat pekeliling yang dihantar ke sekolah-sekolah, dari masa ke semasa.

1.3 Meningkatkan gerakerja ko-kurikulum bagi memupuk persefahaman dan perpaduan serta membentuk perwatakan yang mulia di kalangan murid-murid.

Walau bagaimanapun masalah disiplin bukanlah timbul dari keadaan sekolah sahaja, tetapi juga berpunca dari diri murid-murid sendiri, pengawalan ibubapa, faktor keluarga dan faktor persekitaran. Oleh kerana itu ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat

juga perlu memberikan sumbangan positif dan membina bagi mengatasi masalahini,

PERTUBUHAN PENGAKAP

24. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berapa jumlah anggota Pertubuhan Pengakap dalam negara kita . Adalah Kerajaan sedar selaras ini pertubuhan ini dalam kagiatannya tidak mendapat peruntukan khas dari Kerajaan, Adakah Kerajaan bercadaag untuk memperkuat dan meramaikan lagi jumlah peserta dan meluaskan lagi pertubuhan ini, maka Kerajaan bercadang memberi peruntukan 5 juta ringgit setahun kepada pertubuhan ini, Setakat ini adakah penagih dadah dari anggota Pengakap yang ditahan di mana-mana pusat serenti ,

Tuan Woog Choong Hing: Jumlah anggota Pertubuhan Pengakap dalam negara kita ialah 114,826 orang iaitu 78,895 lelaki dan 35,931 perempuan. Pertubuhan ini dalam kegiatannya telah mendapat peruntukan sejumlah \$80,000 setahun dari Kerajaan. Selain daripada itu Kementerian juga memberi bantuan kepada Jambori Pengakap Kebangsaan yang telah diadakan pada 8.12.1986 sebanyak \$23,000 dan adalah tidak benar jika Yang Berhormat menyatakan pertubuhan ini tidak mendapat peruntukan khas dari Kerajaan.

Memperkuat dan meramaikan lagi jumlah peserta dan meluaskan lagi pertubuhan ini adalah tanggungjawab pertubuhan itu sendiri. Peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah dari segi memberi khidmat bantuan seperti mengikuti kursus dan lawatan-lawatan dalam dan luar negeri.

Sepanjang pengetahuan dan dari maklumat yang ada, tidak ada mana-mana aaggota pengakap yang ditahan di mana-mana pusat serenti kerana menagih dadah.